



هاري او.كي.يو مقرّبون

HARI OKU MUQARRABUN

► PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2022

18-19 Ramadhan 1443H / 20-21 April 2022
Pusat Tarbiyah Islamiah (PUTIK),
Pengkalan Chepa

► *Menjana OKU Muqarrabun* ◄



Dengan Kerjasama Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan
dan Persatuan Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU
Kelantan (MPPOK)

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

✉ ukekwa@kelantan.gov.my

✉ [ukekwa](#)

✉ [u_kekwa](#)

✉ [wanitakelantan.com](#)

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Kepada Dato`/ Datin/ YB/ Tuan/ Puan/ Encik/ Cik

.....

SELAMAT DATANG KE

SAMBUTAN HARI OKU MUQARRABUN NEGERI KELANTAN 2022

HARI OKU MUQARRABUN NEGERI KELANTAN 2022

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, ataupun cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis.

EDITORIAL

HARI OKU MUQARRABUN NEGERI KELANTAN 2022

PENASIHAT :

Ilvira Mohd Dasuki

Hjh Mas Rozita Mas Mohamad

HARI OKU MUQARRABUN 2022

KETUA

Tuan Azura Raja Ismail

AHLI JAWATANKUASA

Siti Amani Mohd Rahim

Nik Nurul Atikah Nik Mahmud

Nur Aina Othman

Nurul Adilah Che Soh

Nazurah Razani

Shahidah Salwa Hassan

Muhammad Hilmi P.Rameli

SIDANG PENGARANG

Nik Nurul Atikah Nik Mahmud

Shahidah Salwa Hassan

Siti Zulaika Sulaimi

KONSEP/ PERWAJAHAN KULIT

Farah Farhana Ab Malek

Norazlina Mohd Nawi

Diterbitkan Oleh

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita

Kerajaan Negeri Kelantan

Aras 2, Blok 2 Kompleks Kota Darul Naim

15503 Kota Bharu

Kelantan

Tel: 09-747 6568 Faks: 09-7476530

Emel: ukekwa@kelantan.gov.my

**TAFSIR SURAH 'ABASA
AYAT 1 HINGGA 11**

"Ia memasamkan muka dan berpaling kerana ia didatangi orang buta. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui (tujuannya wahai Muhammad)? Barangkali ia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran agama yang didapati daripadamu)! – ataupun ia mahu mendapat peringatan, supaya peringatan itu memberi manfaat kepadanya. Adapun orang yang merasakan keadaannya telah cukup, tidak berhajat lagi (kepada ajaran Al-Quran), maka engkau bersungguh-sungguh melayaninya. Padahal engkau tidak bersalah kalau ia tidak mahu membersihkan dirinya (dari keingkarannya). Adapun orang yang segera datang kepadamu, dengan perasaan takutnya (melanggar perintah-perintah Allah) – maka engkau berlengah-lengah melayaninya. Janganlah melakukan lagi yang sedemikian itu! Sebenarnya ayat-ayat Al-Quran adalah pengajaran dan peringatan (yang mencukupi)".

HARI OKU MUQARRABUN 2022



JAWATANKUASA PEMILIHAN TOKOH OKU MUQARRABUN
NEGERI KELANTAN 2022

HARI OKU MUQARRABUN 2022

SAMBUTAN HARI OKU MUQARRABUN NEGERI KELANTAN 2022



MEDIA RASMI:



HARI OKU MUQARRABUN 2022

PENAJA:



ANJURAN:



DENGAN KERJASAMA:



HARI OKU MUQARRABUN 2022

RAKAN SINERGI:

KERAJAAN NEGERI/ PERSEKUTUAN/ BADAN KORPORAT/ BADAN BUKAN KERAJAAN:

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



Berkat Berjaya



جامعة الملك عبد الله للعلوم والتقنية (جامعة الملك عبد الله)
PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAH AGAMA)



AKADEMI Qur'AniKELANTAN



فتویوهن ارمله دارالنعم
PERTUBUHAN ARMALAH DARULNAIM



MAJLIS PERUNDINGAN
WANITA

مجلس فورندينج وانينا



PPM - 024 - 05 - 19112014



LIFESTYLE REVOLUTION



HARI OKU MUQARRABUN 2022

ISI KANDUNGAN

Prawacana YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan		11
Sekapur Sireh YB Pengurus Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan		14
Selayang Pandang Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan		17
Dasar <ul style="list-style-type: none">❖ Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat❖ Gagasan OKU Muqarrabun		21
Pengurusan dan Pentadbiran <ul style="list-style-type: none">❖ Penubuhan Unit Pembangunan Kebajikan❖ Dalil dan Slogan❖ Peranan Unit Pembangunan Kebajikan		27
Pelaksanaan Dasar <ul style="list-style-type: none">❖ Penyelaras Pembangunan OKU Negeri Kelantan (PPON)❖ Majlis Penasihat OKU Negeri Kelantan❖ Penyelaras OKU Parlimen (PPO)❖ Duta OKU❖ Lawatan dan Kunjung Hormat		31

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Skim dan Bantuan Kewangan <ul style="list-style-type: none">❖ Skim Bantuan Kerajaan Negeri Kelantan❖ Bantuan Kewangan Bulanan/ Bantuan Am (Al-Musa'adah)❖ Bantuan Kewangan OKU❖ Bantuan Wakaf Katil untuk OKU/ Pesakit Terlantar		37
Program dan Inisiatif Pembangunan OKU Muqarrabun		47
Jawatankuasa Pelaksana Hari OKU Muqarrabun Negeri Kelantan 2022		68
Latar Belakang Hari OKU Muqarrabun Negeri Kelantan 2022		76
Objektif Hari OKU Muqarrabun Negeri Kelantan 2022		78
Atur Cara Hari OKU Muqarrabun Negeri Kelantan 2022		80
Deskripsi Reka Bentuk Logo Hari OKU Muqarrabun Negeri Kelantan 2022		85
Kriteria Pencalonan Tokoh OKU Muqarrabun Negeri Kelantan 2022		90
Biografi Tokoh dan Ikon Hari OKU Muqarrabun Negeri Kelantan 2022		99
Anugerah Tokoh OKU Negeri Kelantan Tahun 2014 - 2021		153

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Badan Kebajikan dan Kesukarelaan ❖ Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK) ❖ Tujuh (7) Persatuan Di Bawah MPPOK		157
Direktori		161
Sekalung Budi		163
Nota		165

HARI OKU MUQARRABUN 2022

PRAWACANA YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR NEGERI KELANTAN



قال الله تعالى

لَقَدْ كَانَ لِسَبَّاً فِي مَسْكَنِهِمْ آيَةٌ جَنَّاتٍ عَنِ يَمِينِ وَشِمَاءٍ كُلُّ أَمْنٍ
رِزْقٌ رَّيْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ، بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ 15

Sungguh, bagi kaum Saba' ada tanda (kebesaran Tuhan) di tempat kediaman mereka yaitu dua buah kebun di sebelah kanan dan di sebelah kiri, (kepada mereka dikatakan), "Makanlah olehmu dari rezeki yang (dianugerahkan) Tuhanmu dan bersyukurlah kepada-Nya. (Negerimu) adalah negeri yang baik (nyaman) sedang (Tuhanmu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun." (Surah Saba' Ayat 15)

Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Hari OKU Muqarrabun Peringkat Negeri Kelantan bagi tahun 2022 dapat dijayakan dengan penuh makna.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus serta menunjukkan komitmen yang tinggi dalam penganjuran Hari OKU Muqarrabun pada kali ini. Saya yakin sambutan hari OKU Muqarrabun ini mampu mengiktiraf peranan dan kepentingan OKU dalam pelbagai bidang.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Dalam petikan al-Quran pada permulaan ucapan tadi, menggambarkan pentadbiran Kerajaan Membangun Bersama Islam yang ada pada hari ini konsisten untuk mamandu rakyatnya sebagai model rakyat yang berilmu dan cintakan ilmu, kepimpinan yang bersih dan berintegriti. Kebesaran sesuatu negara atau negeri, tidak diukur dengan luas daerahnya tetapi diukur daripada watak masyarakatnya.

Pembangunan mampan menjaga semua aspek pembangunan supaya memberi faedah hubungan antara manusia dengan PenciptaNya, hubungan manusia dengan manusia yang lain serta hubungan manusia dengan persekitarannya yang tidak terbatas kepada zaman, waktu dan tempat.

Selain Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat yang diperkenalkan bagi menggambarkan halatju pelaksanaan negeri berkebajikan, gagasan khusus berkaitan OKU telah dirangka iaitu Gagasan OKU Muqarrabun yang menggambarkan aspirasi kerajaan dalam menentukan hala tuju pembangunan negeri secara bersama antara pemimpin dan rakyat bagi membangunkan Kelantan sejahtera dan diredhai Allah.

Sebuah kerajaan yang bertanggungjawab sudah tentulah meletakkan aspek kesejahteraan dan kebajikan rakyat sebagai perhatian utama. Sehubungan itu, beberapa peruntukan melalui pelbagai skim bantuan terus disalurkan untuk meringankan beban rakyat diperkenalkan termasuklah OKU selain merintis usaha mempertingkatkan lagi kehidupan OKU melalui nilai-nilai sahsiah dan ‘ubudiyah bagi membentuk generasi Rabbani dan OKU Muqarrabun.

Baginda Rasulullah SAW dan para sahabat memberi teladan yang amat hebat dalam membangunkan OKU, demikianlah juga dalam aspek hak-hak asasi OKU. Lebih dari itu, Baginda Rasulullah SAW dan para sahabat mampu melihat potensi setiap OKU di Madinah

HARI OKU MUQARRABUN 2022

untuk digilap demi perjuangan Islam. Marilah kita menjadi umat yang benar-benar memenuhi kemuliaan akhlak dan mencontohi teladan baginda serta bersyukur atas segala nikmat yang diberikan.

Terima kasih kepada semua yang terus menjayakan Dasar Membangun Bersama Islam dan merakyatkannya sepanjang lebih tiga dekad ini melalui pelbagai program kebajikan demi kesejahteraan rakyat. Kerajaan akan terus membantu dan menyokong agar OKU terus berdaya saing dan diperkasa secara optimum dan inklusif.

Teruskanlah usaha ini sehingga Allah SWT mengurniakan keberkatan, kerahmatan dan kemenangan yang besar suatu hari nanti.

**** RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT ****

**** WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 ****

**** KEBERKATAN, KEMAKMURAN, KEBAJIKAN ****

Dengan hormatnya,



**YAB DATO' BENTARA KANAN
USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB,
S.J.M.K, D.J.M.K., J.P., S.M.K (Kelantan)
MENTERI BESAR KELANTAN**

HARI OKU MUQARRABUN 2022

SEKAPUR SIREH

YB PENGURUSI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN KEBAJIKAN KERAJAAN NEGERI
KELANTAN



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَمَا أَنْتَ بِهِدَى الْعُمَىٰ عَنْ ضَلَالِهِمْ إِنْ شَرِيعَةُ اللَّامِنْ يُؤْمِنُ بِيَقِينِنَا
فَهُمْ مُسْلِمُونَ

۸۱

Maksudnya: Dan engkau tidak akan dapat memberi petunjuk kepada orang-orang yang buta supaya menjauhi kesesatan mereka; engkau tidak dapat memperdengarkan (seruanmu itu) melainkan kepada orang-orang yang sanggup beriman akan ayat-ayat keterangan Kami, kerana mereka orang-orang yang berserah diri dengan ikhlas. (Surah Al-Naml Ayat 81)

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِياءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى الْهُوَ
وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

Awal lafaz setinggi kesyukuran ke hadrat Allah swt atas nikmat dan keizinan-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan agung Nabi Muhammad SAW, para ahli keluarga Baginda serta para sahabat r.a.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Hari OKU Muqarrabun peringkat Negeri Kelantan yang diadakan pada 20 & 21 April 2022 buat kali pertama ini adalah amat istimewa. Ia lambang komitmen agenda Membangun Bersama Islam terhadap OKU di Negeri Kelantan. Ini selaras dengan objektif utama Gagasan OKU Muqarrabun untuk golongan ini mendekatkan diri kepada Allah dan berjaya di dunia dan akhirat.

Pelbagai pelan tindakan dan inisiatif dalam membangunkan OKU Kelantan telah dilaksanakan berasaskan potensi dan keupayaan melalui peranan dan fungsi yang tersendiri. Komuniti ini dilatih agar turut menyumbang dalam perkembangan ekonomi, politik dan sosial selari dengan perkembangan teknologi, kemahiran, gajet dan keperluan semasa.

Pendedahan dan motivasi perlu digarap agar satu hari nanti mereka akan muncul menjadi tangan yang di atas bukan lagi hanya sebagai tangan yang di bawah dalam memacu kemakmuran negara. Prinsip kesaksamaan hak dan kesamarataan dalam pelbagai sektor perlu giat dijalankan.

Kecemerlangan luar biasa yang ditonjolkan oleh OKU merupakan kebanggaan dan dipandang tinggi oleh Kerajaan Negeri. Majlis sambutan ini diadakan khas bagi meraikan 51 penerima tokoh dan ikon OKU daripada pelbagai kategori di peringkat parlimen dan Negeri. Anugerah juga diberikan kepada premis dan agensi yang mesra OKU atas penghargaan dan ketandaan mereka dalam meraikan kumpulan istimewa ini.

HARI OKU MUQARRABUN 2022


InsyaAllah dengan sambutan dan gagasan ini, kita mengharapkan OKU Muqarrabun kita akan terus menerajui perubahan untuk masa depan. Ia memberikan impak besar kepada pembangunan masyarakat terutama OKU dan keluarga mereka di Negeri Kelantan. Sekian, wassalam.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”

“MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

Dengan hormatnya,



**YB DATO' HJH MUMTAZ MD. NAWI,
D.J.M.K., J.M.K (Kelantan)**

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga
dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

HARI OKU MUQARRABUN 2022

SELAYANG PANDANG PENGARAH URUS SETIA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA KERAJAAN NEGERI KELANTAN



قال الله تعالى

قُلْ لَّنِيْ بُصِّبِيْنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مُوْلَنَا وَعَلَى اللَّهِ فَلَيَسْتَوْ كُلُّ الْمُؤْمِنُونَ ٥١

“Katakanlah (Muhammad), “Tidak akan menimpa kami melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah pelindung kami, dan hanya kepada Allah bertawakallah orang-orang yang beriman.” (Surah at-Taubah Ayat 51).

Alhamdulillah, segala pujian hanya untuk Allah SWT, pencipta dan pemilik alam semesta. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, seluruh Ahlul Bayt, sahabat Baginda serta yang menurut mereka kemudiannya.

Saya ingin merafakkan rasa syukur kepada Allah SWT yang telah membantu serta mempermudahkan segala urusan kita dalam menjayakan Hari OKU Muqarrabun Negeri Kelantan bagi tahun 2022.

Setinggi penghormatan kepada YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Yakob selaku Menteri Besar Kelantan dan YB Dato' Hajah Mumtaz Md. Nawi, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kelantan kerana begitu prihatin dalam hal ehwal kebajikan rakyat serta sudi menitip

HARI OKU MUQARRABUN 2022

kalam aluan sebagai pembuka bicara. Sikap cakna para pimpinan negeri seperti ini akan terus menyemarakkan lagi semangat dan tekad kami untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada seluruh rakyat negeri Serambi Mekah ini.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada semua agensi baik dari pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan yang saling berganding bahu, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing dalam memastikan program ini dilaksana dengan jayanya.

Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada semua penaja yang telah memberikan komitmen bagi kelangsungan program, tidak dilupakan juga kepada seluruh kakitangan, warga kerja dan para sukarelawan Hari OKU Muqarrabun 2022 yang bertungkus lumus menyumbang tenaga dan masa bagi merealisasikan hasrat ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua yang dapat hadir ke majlis ini sebagai tanda penghargaan kita kepada sumbangan besar yang telah diberikan oleh golongan OKU. Penyertaan semua pihak mampu memberi impak yang baik bagi memenuhi objektif program.

Majlis ini dianjurkan sebagai merai dan memberi penghargaan kepada golongan OKU di semua peringkat atas sumbangan mereka kepada negeri Kelantan, khususnya, dan pembangunan negara amnya. Hari OKU Muqarrabun Negeri Kelantan disambut meriah setiap tahun di peringkat negeri mahupun kebangsaan dengan pelbagai pengisian program bertujuan untuk merai kejayaan dan pencapaian golongan OKU di samping memperjuangkan Gagasan OKU Muqarrabun.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Pelbagai inisiatif sedia ada akan terus ditambah baik, serta banyak lagi inisiatif baru akan mula dilaksanakan melibatkan kumpulan sasar yang lebih meluas kerana agenda pembangunan OKU tidak dapat dijayakan tanpa kesedaran, sokongan dan penglibatan inklusif semua pihak. Sehubungan itu, kerajaan negeri melalui U-KeKWa dari semasa ke semasa akan sentiasa merancang dan melaksanakan inisiatif untuk menyokong menghasilkan sesuatu program yang lebih berimpak.

Bersempena Hari OKU Muqarrabun ini juga, beberapa program telah dijalankan lebih awal di semua DUN iaitu Hari OKU Muqarrabun Peringkat DUN yang telah bermula sejak Mac 2022 hingga sekarang. Selain itu, program MyCEKAP Kerjaya: Halatuju Kerjaya OKU juga telah pun berlangsung dengan jayanya secara atas talian pada 14 April lalu menjadikan sambutannya lebih meriah dan dapat disertai oleh lebih ramai OKU dan penggerak kebajikan OKU. Saya bagi pihak U-KeKWa sangat berbesar hati dan merakamkan penghargaan di atas kerjasama pelbagai kementerian dan agensi yang turut sama menjayakan sambutan di pelbagai peringkat.

Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah tokoh OKU pada tahun ini. Segala sumbangan, usaha dan daya upaya yang diberikan dalam pembangunan dan kesejahteraan negara amat kami hargai.

Buat akhirnya besarlah harapan kami untuk memastikan inisiatif Dasar Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Kelantan sebagai Baldatun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur tercapai dan memberi impak positif kepada golongan sasar, khususnya golongan OKU serta rakyat Kelantan amnya.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

جَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا كَثِيرًا

Semoga Allah membalas semua sumbangan dengan kebaikan yang berganda serta melimpahkan rahmat dan barakahNya kepada program Hari OKU Muqarrabun Negeri Kelantan 2022.

Sekian. Wassalam.

Dengan hormatnya,



ILVIRA BINTI MOHD DASUKI

Pengarah

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
Kerajaan Negeri Kelantan

HARI OKU MUQARRABUN 2022

DASAR

HARI OKU MUQARRABUN 2022

PROSES PENGGUBALAN DASAR BERKEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT NEGERI KELANTAN

Digubal pada 3 Ogos 2015

Dirangka bagi membimbing dan membantu serta menyuburkan cara hidup berkebajikan ke arah kesejahteraan demi mencapai "Baladatun Thoyyibatun Wa Rabbun Ghafur" (negeri kamu ini adalah negeri yang baik (aman dan makmur) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun")

Dibangunkan secara kolektif melalui pemantapan nilai - nilai murni

Pemantapan Nilai - Nilai Murni

Menyebarluaskan konsep "ta'awun"
(tolong - menolong)

Menjaga kebersihan

Menitikberatkan keselamatan

Membudayakan kesejahteraan dalam bermasyarakat

Membela dan membangun golongan 'dhuaafaa' (lemah) dan orang kurang upaya

Saling menghormati

Menggalakkan sikap berlumba - lumba berbuat kebajikan dalam masyarakat

HARI OKU MUQARRABUN 2022



Mesyuarat Penggubalan Dasar Berkebajikan dan
Kesejahteraan Rakyat 2013

PANEL PENGGUBAL

Dipengerusikan oleh YB Hajah Mumtaz Md Nawi
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan

- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Timbalan Pengerusi Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan• Ahli - ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri• Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)• Pengarah Pembangunan Negeri• Pengarah Kifaalah Sdn. Bhd.• Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN)• Timbalan YDP Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK)• Pengerusi Kursus Elaktif• Timbalan Pengarah Yayasan Amanah Tok Kenali | <ul style="list-style-type: none">• Pengarah Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan (UPWK)• Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan (JKM)• Pusat Pengajian Sains Kesihatan USM• Peguam Syarie Kelantan• Pensyarah KIAS• Pensyarah Fakulti Undang – Undang UKM• YDP Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan• Pengerusi Pusat Pembangunan Wanita Kelantan DUN• Individu dan NGO berkaitan |
|---|---|

HARI OKU MUQARRABUN 2022

01

Melaksanakan konsep Ubudiyah, Masuliyyah dan Itqan (UMI) di dalam program kebajikan.

02

Menjadikan dasar ini sebagai sumber rujukan di dalam pelaksanaan program berkebajikan mengikut maqasid syariah dan keutamaan (Dharuriyyat, Hajiyat, Tahsiniyyat)

05

Melahirkan sukarelawan dan dermawan bagi menyuburkan budaya berkebajikan dalam masyarakat

03

Memberi kesedaran untuk membangunkan prasarana, sistem sokongan, potensi diri dan kemandirian golongan sasar

04

Membina dan menambah baik sistem bantuan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dan kebolehpercayaan di semua peringkat

Matlamat Pelaksanaan

HARI OKU MUQARRABUN 2022

GAGASAN OKU MUQARRABUN

Dasar ini dirangka sebagai menyatakan komitmen pihak - pihak yang berkaitan dalam usaha membangunkan Orang Kurang Upaya (OKU) berasaskan potensi dan keupayaan diri individu - individu Orang Kurang Upaya.

Dasar ini adalah perlu dibaca bersama - sama Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan.

Teras Pelaksanaan Pembangunan OKU

Mendorong dan mendidik masyarakat umum untuk menerima keberadaan OKU tanpa sebarang halangan dengan penyertaan yang sepenuhnya.

Mengenangkan OKU kepada masyarakat dengan dicukupkan sistem sokongan yang semampu dan sewajarnya.

HARI OKU MUQARRABUN 2022



GAGASAN OKU MUQORROBUN

Gagasan ini dirangka sebagai menyatakan komitmen pihak – pihak yang berkaitan dalam usaha membangunkan orang kurang upaya berdasarkan potensi dan keupayaan diri individu – individu orang kurang upaya.

Dalam menjayakan gagasan ini, adalah diiktiraf:

1. Memperakui bahawa Allah S.W.T menciptakan orang kurang upaya sebagai tanda kekuasaan yang maha Esa sebagai ujian dan anugerah kepada insan seluruhnya.
2. Menerima pakai takrifan orang kurang upaya yang sedang berkuatkuasa menurut undang – undang sedia ada.
3. Memperakui komitmen – komitmen masyarakat antarabangsa dan serantau dalam hal - ehwal orang orang kurang upaya selagi mana ia tidak bercanggah dengan hukum syarak dan undang – undang negara yang berkuatkuasa.

Berasaskan penegasan dan perakuan yang dinyatakan di atas, gagasan ini menetapkan:

1. Pembangunan orang kurang upaya haruslah mengambil kira kepelbagaiannya ketidakupayaan yang ada.
2. Ia haruslah menjadikan perlaksanaan pembangunan orang kurang upaya itu menjurus kepada keimanan dan ketaqwaan kepada Allah S.W.T.
3. Pembangunan orang kurang upaya hendaklah menjadi tanggungjawab semua pihak dan seluruh masyarakat.

Dua teras kepada perlaksanaan pembangunan orang kurang upaya adalah:-

1. Mengenengahkan orang kurang upaya kepada masyarakat dengan dicukupkan sistem sokongan yang semampu dan sewajarnya.
2. Mendorong dan mendidik masyarakat umum untuk menerima keberadaan orang kurang upaya tanpa sebarang halangan dengan penyertaan sepenuhnya.

Bagi menjayakan gagasan ini, haruslah pelan dan tindakan susulan dirangka sesuai dengan ketetapan dan teras yang dinyatakan.

Teks Gagasan OKU Muqarrabun

HARI OKU MUQARRABUN 2022



PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

HARI OKU MUQARRABUN 2022

PENUBUHAN UNIT PEMBANGUNAN KEBAJIKAN

1

Portfolio Pembangunan Kebajikan diletakkan di bawah Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan selepas Pilihanraya Umum ke-13.

2

Merupakan satu portfolio penting di bawah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan penumpuan khusus kepada aspek pembangunan kebajikan.

3

Bagi memantau dan melaksanakan pelan strategik dan hala tuju pembangunan kebajikan negeri Kelantan, pembentukan Unit Pembangunan Kebajikan di bawah Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan ditubuhkan.

4

Berfungsi mengurus selia kebajikan rakyat Kelantan serta mendokong aspirasi Kerajaan Negeri melalui program bersepadu merangkumi aspek kerohanian, emosi, fizikal dan mental untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera, dinamik dan progresif melalui:

Pembangunan dan Pengurusan Hal Ehwal Kebajikan

Kefahaman dan Kesedaran Konsep Berkebajikan

Pembangunan Jati Diri, Kemahiran dan Kemandirian

Pembudayaan sikap prihatin, bantu membantu dan kesukarelaan

Pembangunan golongan Mustadh'afin termasuk OKU, Armalah Anak Yatim, Miskin dan Warga Emas

Pengurusan Bantuan Bencana

Dalil :

١٧
وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

“...dan kami tidak mengutus engkau (Muhammad saw) melainkan untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam”
(Al -Anbiya' :107)

- Dalil ini diambil kerana Islam adalah agama rahmatan lil 'alamin ertiinya Islam merupakan agama yang membawa rahmat dan kesejahteraan bagi semua seluruh alam semesta, termasuk haiwan, tumbuhan dan jin, apalagi sesama manusia. Kebaikan sesama manusia termasuklah terhadap anak yatim, fakir miskin, perintah melakukan jihad untuk memerangi kebodohan dan kemiskinan, semuanya bukti Islam membawa rahmat bagi seluruh alam.

Slogan :

"RAKYAT PRIHATIN, BERDIKARI, BERMARUAH"

HARI OKU MUQARRABUN 2022

PERANAN UNIT PEMBANGUNAN KEBAJIKAN:

Merancang dan memantau pengurusan serta pengagihan kebajikan rakyat Negeri Kelantan

Merangka Dasar Kebajikan Negeri dan polisi berkaitan bagi kefahaman dan kesedaran konsep berkebajikan

Merancang, memantau dan menyalurkan bantuan dan kebajikan kepada golongan sasar secara adil

Merancang dan melaksanakan aktiviti kebajikan rakyat negeri Kelantan.

Menyuburkan semangat khidmat dan aktiviti kesukarelaan di pelbagai agensi dan pertubuhan bagi melahirkan sikap prihatin dan bantu membantu.


Memantau aktiviti, bantuan dan senarai penerima kebajikan kerajaan.



PELAKSANAAN DASAR

HARI OKU MUQARRABUN 2022

PENYELARAS PEMBANGUNAN OKU NEGERI KELANTAN (P.P.O.N)



HARI OKU MUQARRABUN 2022

Majlis Penasihat OKU Negeri Kelantan (MPON)



Mesyuarat Majlis Penasihat OKU Negeri Kelantan di Kediaman Rasmi Menteri Besar JKR10

HARI OKU MUQARRABUN 2022

PENYELARAS OKU PARLIMEN (PPO)

- Kerajaan negeri mencetuskan satu lagi pembaharuan apabila mewujudkan Penyelaras OKU di setiap kawasan parlimen seluruh negeri Kelantan pada tahun 2018.
- Penyelaras OKU Parlimen ini berperanan untuk membantu kebijakan golongan OKU di parlimen masing-masing agar tiada OKU yang tercicir.

Penyelaras OKU di setiap parlimen

Oleh SALMAH MAT HUSAIN
Foto SHASHILZA SAMSUDIN

KOTA BHARU: Kerajaan Kelantan mencetus satu lagi pentadbiran agar ia mewujudkan Penyelaras OKU di setiap kawasan parlimen di negeri tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Kehajlian dan Pembangunan Keluarga dan Wanita Mumtaz Md Nawi berkata, penyelaras tersebut berperanan melaksanakan program kebaikan untuk golongan OKU.

"Allhamdulillah hasil usaha kerja tuan-tuan dan

puan-puan peringkat Parlimen apa yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik," ujarnya pada perasmian Bersekutu Permenaraan dan Kebajikan Ibu Huang OKU Peringkat Parlimen di sebuah hotel di sini baru-baru ini.

Turut hadir Pengerusi Urus Setia Kehajilan, Pembiayaan Keluarga, Wanita (U-Rekwa) Ilyira Mohd Dasuki dan Pengerusi Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPOK) Mohammad Faisal Che Yusuf.

Mumtaz juga berkata,

Kelantan tidak pernah meminggirkan golongan OKU dalam merangka agenda pembangunan negeri.

Katanya juga ada dalam kalangan OKU terabit bertugas di agensi kerajaan negeri.

Menurutnya juga kerajaan negeri akan memberi tangan bantuan kepada OKU bagi membolehkan mereka menjana ekonomi untuk diri dan keluarga.

Jangan sekali-kali kita perkikikan kemampuan mereka, jangan membiarkan mereka kerana



Mumtaz Md Nawi bersama Penyelaras parlimen OKU.

kekurangan diri.

"Sebaliknya kita perlu

bangkit dengan kegigihan

sebagai satu semangat un-

tuk meningkatkan jati diri," katanya.

Keratan Akhbar Pelantikan PPO tahun 2018

HARI OKU MUQARRABUN 2022

DUTA OKU

- Dilantik pada tahun 2021.
- Pelantikan Duta OKU adalah sebagai advokasi tentang tanggungjawab dan hak OKU.
- Berperanan sebagai perantara atau fasilitator dalam memberi kesedaran dan penerangan mengenai keperluan OKU kepada Kerajaan mahupun lain - lain agensi.



Pelancaran Duta OKU Kelantan

Harakah 5 - 7 JAMADILAWAL 1443 / 10 - 12 DISEMBER 2021

KELANTAN | H11

Kelantan lantik 8 duta OKU

KOTA BHARU: Kerajaan negeri Kelantan lantik Duta Ongang Karang Upaya yang bagi hari mempunyai kesedaran rakyat terhadap hak, kepentingan serta tanggungjawab golongan tertentu.

Exco Kebajikan, Pemahaman, Kehilangan dan Warisan Darul Mumtaz Md Nawi berkenan, Gagasan OKU Muqarrabun yang dirangka kerjasama negeri perl diperhuskan.

Kataanya, kerjasama Kelembagaan memanglah penting, bahkan mampu melahirkan OKU yang berjaya bersama dengan akhirnya setaraf dengan Islam.

Sekian sabah yang dilakukan dalam gagasan tersebut perlu indusi serta pengalaman daripada para duta terbaik mereka akan menyokong dan menguar-

arkan input dan output kepada rakyat.

"Malah program kita juga dilaksanakan sama ada boleh disesuaikan dengan negeri dan perbezaan. Dapat agaknya OKU ini berbeza bukan sahaja dalam hal OKU Sediuna,"

Beliau berkata demikian selepas Majlis Ketuaan PPO dan Pengurusan Hati OKU Seduna di Pejabat Penyelaras Pembangunan Oku Negeri Kelantan di sini, Mohd Zaini Darulrahim baru ini.

Turut hadir Timbalan Pengarah Kementerian Kehilangan dan Warita (Ukekwa), Mas Rozita Mat dan Ahli Parlimen, Majlis Persefahaman Persatuan OKU Kelantan, Mohd Ramli dan sebahagian ahli politik.

Mumtaz berkata, mereka yang dilantik merupakan PPV Kelantan, Ibu, Keluarga Bachok, Machang, Pengkalan Chepa termasuk wakil bella OKU dan Setiausaha Menteri Persefahaman Persekutuan OKU Kelantan (MMPPO).

Mumtaz yang juga Adun Pemerkasa, perlu menjanjikan untuk selalu memberi perwujudan bagi menanak seramai mungkin penduduk.

Menurutnya bilaupun gerak kerja tersebut sudah dilaksanakan, namun ia masih bermula tahun 2022, program terbatas akan diperlukan lagi kerjasama dan keserasian hasil itu tercapai.

Jelasnya OKU juga dapat membantu dalam penyelesaian masalah yang berlaku di kalangan orang biasa jika golongan itu mendapat perhatian pihak berkuasa tempatan.

"Walaupun perdatakan OKU tidak wajib, tetapi kalau ada perkembangan, mereka boleh agar perdatakan secara automatik dan menyediakan

dokumen yang diperlukan.

"Mereka akan menghubungkan kepada masyarakat yang diperolehi apabila dat-



tar OKU, dengan didikan yang baik mereka boleh berdikari," katanya.

Keratan akhbar Lantikan Duta OKU Kelantan

HARI OKU MUQARRABUN 2022

LAWATAN DAN KUNJUNG HORMAT



Kunjung Hormat Timbalan Menteri KPWKM pada 19 Jun 2020



Kunjung Hormat Timbalan Pengarah JPJ pada 18 Februari 2021



Kunjung Hormat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 18 Februari 2022



**SKIM
DAN BANTUAN
KEWANGAN**

HARI OKU MUQARRABUN 2022

SKIM BANTUAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN

No.	Bantuan	Keterangan	Portfolio / Agensi
1.	SKIM MANFAAT ARMALAH (SMA)	Bantuan kepada armalah / ibu tunggal miskin yang kematian suami	
2.	SKIM KHAIRAT ARMALAH (SKA)	Bantuan kepada wasi / waris armalah setelah meninggal dunia	
3.	SKIM ANAK YATIM (SPY)	Bantuan pendidikan kepada anak yatim / anak armalah	JAWATAN-KUASA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA
4.	BANTUAN ORANG KURANG UPAYA (MA'ARUF)	Bantuan kepada OKU dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria	
5.	SKIM RAHMAH	Caruman Skim Takaful Rahmah kepada OKU terlantar yang berusia bawah 60 tahun	

HARI OKU MUQARRABUN 2022

6.	TABUNG USAHAWAN WANITA	Bantuan alatan perniagaan kepada wanita miskin terpilih yang ingin memulakan / meningkatkan perniagaan	
7.	BANTUAN ORANG MISKIN (AL - HASANAH)	Bantuan orang miskin disalurkan melalui JKM kepada setiap DUN	
8.	BANTUAN KELOMPOK	Bantuan kepada projek ekonomi yang diusahakan secara berkumpulan oleh OKU atau orang miskin atau ibu tunggal	
9.	BANTUAN AM (AL- MUSA'ADAH)	Diberikan kepada keluarga miskin	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI KELANTAN
10.	BANTUAN SEKOLAH / PENDIDIKAN	Bantuan kepada anak yang masuk ke Universiti atau menampung kos peperiksaan diberikan kepada anak klien	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI KELANTAN
11.	BANTUAN BENCANA ALAM (PEMULIHAN)	Bantuan berbentuk pemulihan infrastruktur kepada mangsa yang menerima musibah	

HARI OKU MUQARRABUN 2022

12.	BANTUAN BENCANA ALAM (BEKALAN)	Bantuan berbentuk barang keadaan mangsa yang menerima musibah	
13.	BANTUAN PERALATAN OKU	Bantuan berbentuk peralatan kepada klien OKU JKM yang memerlukan	
14.	PROJEK JAYA DIRI (TIJAARAH)	Bantuan kewangan kepada kumpulan sasar jabatan yang mempunyai minat dan potensi untuk maju bagi menceburi bidang perusahaan atau perniagaan kecil	
15.	BANTUAN SAKIT KRONIK	Bantuan kepada pesakit kronik	JAWATANKUA SA KERAJAAN TEMPATAN, PERUMAHAN DAN KESIHATAN
16.	SKIM GERBANG AZ-ZIWAAJ	Insentif perkahwinan kepada mereka yang berpendapatan rendah mendirikan rumah tangga	JAWATANKUA SA BELIA, SUKAN DAN NGO

HARI OKU MUQARRABUN 2022

17.	BANTUAN BERAS AL-IT'AM	Bantuan beras kepada orang miskin setiap DUN	
18.	PROGRAM USAHAWAN BERDIKARI	Pelbagai skim usahawan yang menggabungkan 5 program pembangunan usahawan iaitu Gerakan Berdikari Rakyat Kelantan, Galakan Usahawan, Program Pembangunan Kemahiran Usahawan dan Galakan Perdagangan	JAWATANKUA SA INDUSTRI ASAS TANI, BIO-TEKNOLOGI, TEKNOLOGI HIJAU DAN ALAM SEKITAR
19.	BANTUAN PERTANIAN/ PENTERNAKAN	Bantuan kepada rakyat negeri Kelantan yang terlibat dengan pertanian dan penternakan	
20.	BANTUAN PENDIDIKAN	Sumbangan untuk pelajar yang menyambung pelajaran ke IPTA / IPTS di peringkat Diploma & Ijazah	JAWATANKUA SA PEMBANGUNA N INSAN, PENDIDIKAN,

HARI OKU MUQARRABUN 2022

<p>21. PRA SEKOLAH</p>	<p>Peruntukan untuk pendidikan awal kanak - kanak</p>	<p>PENGAJIAN TINGGI, SAINS DAN TEKNOLOGI</p>
<p>22. BANTUAN PINJAMAN PENDIDIKAN</p>	<p>Pinjaman pendidikan bagi yang berkelayakan untuk melanjutkan pengajian di IPT mengikut kadar pinjaman tertentu</p>	
<p>23. SKIM PEMBIAYAAN BIASWA</p>	<p>Pembentangan pendidikan kepada pelajar yang layak tetapi tidak berkemampuan untuk mengikuti pengajian Sekolah Rendah dan Menengah serta di IPTA/ IPTS</p>	<p>YAYASAN KELANTAN DARULNAIM (YAKIN)</p>
<p>24. BANTUAN PAKAIAN SEKOLAH</p>	<p>Bantuan pakaian sekolah bagi menyara anak yang bersekolah rendah / menengah</p>	
<p>25. BANTUAN MAIK</p>	<p>Bantuan pelbagai bagi membantu golongan asnaf / dhaif</p>	<p>MAJLIS AGAMA ISLAM KELANTAN (MAIK)</p>
<p>26. BANTUAN RUMAH MAIK</p>	<p>Bantuan rumah kepada golongan miskin / dhaif yang terpilih</p>	


HARI OKU MUQARRABUN 2022

27.	BANTUAN RUMAH DHUAFAT	Bantuan rumah kepada orang miskin di setiap DUN	PEJABAT PEMBANGUNA N NEGERI
28.	KEBAJIKAN KHAS BBS	Bantuan umum kepada golongan rakyat yang memerlukan	BBC
29.	SKIM PERLINDUNGAN KIFAALAH	Skim perlindungan insurans untuk rakyat Kelantan yang akan dimanfaat oleh si mati (perserta) / waris sekiranya peserta meninggal dunia	PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN
30.	TABUNG AMANAH TOK KENALI	Membantu rakyat yang cemerlang melanjutkan pelajaran	YAYASAN AMANAH TOK KENALI
31.	BANTUAN BENCANA TSM	Bantuan segera untuk miskin dan yang ditimpa musibah / bencana	PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN
32.	PROGRAM LADANG RAKYAT	Bantuan bagi golongan berpendapatan rendah melalui sektor perladangan	PERBADANAN PEMBANGUNA N LADANG RAKYAT

HARI OKU MUQARRABUN 2022

33.	SUMBANGAN TANGGUNG-JAWAB SOSIAL KORPORAT	Meliputi pelbagai jenis sumbangan dari sumber korporat bagi memenuhi keperluan masyarakat	ANAK - ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI & PBT
-----	---	---	---

BANTUAN KEWANGAN BULANAN / BANTUAN AM (AL-MUSA'ADAH)



HARI OKU MUQARRABUN 2022

BANTUAN KEWANGAN OKU

MAA'RUF

- Pemberian sumbangan kewangan one - off kepada OKU miskin pelbagai kategori.
- Kerajaan akan meluluskan permohonan bantuan mengikut keperluan pemohon samada dalam bentuk kewangan atau bantuan dalam bentuk alat bantu.

- Kerajaan negeri membuat caruman selama setahun bagi OKU terlantar yang berusia kurang dari 60 tahun yang berasal dari keluarga miskin bagi meringankan beban keluarga.
- Jumlah OKU miskin terlantar yang berusia bawah 60 tahun ditakafulkan berjumlah 540 orang.
 - * 2015 = 147 orang
 - * 2016 = 106 orang
 - * 2017 = 287 orang

SKIM
TAKAFUL
RAHMAH

JABATAN
KEBAJIKAN
MASYARAKAT
(JKM)

- Terdapat tiga (3) jenis bantuan kewangan yang disediakan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk kebajikan warga OKU, iaitu melalui :
 - * Skim Elaun Pekerja Cacat (EPC) RM450.00 sebulan
 - * Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB) RM300.00 sebulan
 - * Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar(BPT) RM500.00 sebulan.
- Pada tahun 2020, jumlah keseluruhan penerima bantuan OKU bulanan ini seramai 18,757 orang melibatkan peruntukan sebanyak RM 72,135,050.
- Pada tahun 2021, jumlah keseluruhan penerima bantuan OKU bulanan ini seramai 19,793 orang melibatkan peruntukan sebanyak RM 83,563,200.

- Diwujudkan bagi memberi pendedahan kepada penjaga berkenaan teknik penjagaan golongan terlantar ini.
- Bukan sahaja penjagaan secara fizikal, tetapi juga penjagaan nutrisi dan pemakanan dan ubat-ubatan serta sokongan moral.
- Di samping itu, pengetahuan asas agama juga turut ditanikberatkan seperti amalan doa yang perlu ada dan diamalkan sebagai kebergantungan kepada Allah swt.

KURSUS ASAS
PENJAGAAN
OKU
TERLANTAR

HARI OKU MUQARRABUN 2022

BANTUAN WAKAF KATIL UNTUK OKU / PESAKIT TERLANTAR

2018

Sebanyak 2 unit katil di 45 DUN menjadikan 90 unit seluruh Kelantan

2020

22 unit katil ditambah untuk peringkat negeri

2021

Sebanyak 2 buah katil wakaf ditambah untuk setiap DUN menjadikan 4 unit di setiap DUN, menjadikan jumlah katil wakaf sebanyak 202 unit katil wakaf seluruh negeri.

2022

Penambahan sebanyak 50 unit katil peringkat negeri.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

**PROGRAM
DAN
INISIATIF**

HARI OKU MUQARRABUN 2022

PROGRAM PEMBANGUNAN OKU MUQARRABUN

1

Bengkel Pemantapan Ibadah OKU 2015 diadakan bertujuan membangun dan membentuk golongan OKU Muqarrabun ke arah mewujudkan OKU yang merapatkan diri kepada Allah swt sesuai dengan slogan kerajaan negeri "Membangun Bersama Islam".

2

Menyertai dan menyediakan 100% peserta OKU untuk Majlis Berbuka Puasa (Iftar) OKU setiap tahun anjuran kerajaan negeri.

3

Menjalankan Program Mahabbah Ramadan (Ifthar OKU) di setiap Jajahan.

4

Mengadakan kuliah bulanan untuk OKU di Surau PROKA, Kg. Aur pada setiap hari Sabtu minggu akhir setiap bulan.

5

Mengadakan sesi penerangan berkenaan "Rasulullah Gilap OKU" dan Gagasan OKU Muqarrabun di masjid - masjid.

6

Mengadakan seminar politik OKU, Seminar Perundungan, Kem Jati Diri dan lain-lain program yang bersifat sahsiah diri.

7

Mengadakan perjumpaan dan perbincangan dari semasa ke semasa untuk kemajuan kebajikan OKU

HARI OKU MUQARRABUN 2022

- 8** Menyelesaikan permasalahan OKU dari semua aspek sama ada keperluan khas, alat bantu OKU, sesi kaunseling, perundangan, motivasi, bimbingan agama dan lain-lain.
- 9** Mengadakan Program Menggapai Keberkatan OKU (dilaksanakan pada tahun 2020 - 2021 dan seramai 600 - 1000 OKU terlibat).
- 10** Mengadakan Seminar Cabaran OKU Menghadapi Endemik Covid - 19.
- 11** Melaksanakan Bengkel Asas Penulisan Kreatif (Puisi) Insan Istimewa 2021.
- 12** Mengadakan Bacaan Yasin dan Tahlil setiap malam jumaat sepanjang PKP dan diteruskan hingga sekarang dan masa akan datang.
- 13** Melaksanakan Program Pengajian Kelas Braille, Kelas Fardhu Ain dan Dhuha Bersama Anak Surga.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

INISIATIF DAN PROGRAM KEBAJIKAN OKU

1

Caruman Skim Takaful Rahmah kepada OKU Terlantar. Bermula 2015, Kerajaan negeri memperkenalkan inisiatif baru dengan membuat caruman takaful selama setahun kepada OKU terlantar berusia kurang dari 60 tahun yang berasal dari keluarga miskin bagi meringankan beban keluarga.

2

Khidmat jurubahasa isyarat pada program-program anjuran kerajaan negeri terutamanya di program Kuliah Bulanan Wanita sejak 2008.

3

Menetapkan sasaran OKU dalam penggubalan Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Negeri Kelantan pada tahun 2105 dan sekarang telah diturunkan melalui induksi ke zon seluruh Kelantan.

4

Lawatan Mahabbah OKU pada 23-25 Mac 2016 ke Kuala Lumpur antaranya Yayasan Faqeh, Makmal Alquran Braille, Kelab Bahasa Isyarat USIM, Pusat Perindustrian OKU Kelang dan Pusat Sukan Paralimpik di Kampung Pandan.

HARI OKU MUQARRABUN 2022



Lawatan Mahabbah OKU pada 23 - 25 Mac 2016 di Kuala Lumpur



Bengkel Pemantapan Ibadah & Jati Diri OKU

HARI OKU MUQARRABUN 2022



Ziarah dan Sumbangan Pesakit OKU terlantar



Mengadakan Program, Latihan dan Seminar Pemerkasaan OKU

HARI OKU MUQARRABUN 2022



Peserta OKU Beserta Khidmat Jurubahasa Isyarat
di Program Kerajaan Negeri



Menyertai Program - Program Pembangunan Anjuran Kerajaan Negeri

HARI OKU MUQARRABUN 2022

5

Majlis Berbuka Puasa “Mahabbah Ramadan” bersama OKU di peringkat Negeri sejak 2008 sehingga kini dilaksanakan dan bermula tahun 2015 kerajaan telah pun mengadakan program tersebut di zon-zon tertentu seperti di Parlimen Tanah Merah dan Gua Musang pada 2015. Manakala pada tahun 2016, melibatkan jajahan Jeli, Gua Musang, Tanah Merah dan Kuala Krai.

6

Mengadakan Sambutan Hari OKU di peringkat Negeri pada setiap tahun dan penganugerahan Tokoh OKU dalam 4 kategori iaitu Akademik, Usahawan, NGO dan Sukan. Pada tahun 2016 terdapat sekurang-kurangnya empat (4) penerima tokoh anugerah daripada kalangan OKU mengikut kategori seperti berikut:

SPM

- Anak sepasang OKU yang mendapat keputusan SPM 10A iaitu Wan Nasriah bt Wan Nasri
- Pelajar OKU lumpuh kaki dan tangan dan menulis menggunakan mulut mendapat keputusan cemerlang SPM 8A iaitu Mohd Faiz bin Ibrahim

STPM

- Salah seorang pelajar terbaik STPM negeri Kelantan iaitu Mohd Ikmalul Iktimam telah mendapat 5A dalam peperiksaan STPM

JOHAN QARI

- Johan Qari Kebangsaan Pertandingan Tilawah anjuran JKTM yang dimenangi oleh Muhammad Qayyim Nizar Sarimi dari Kelantan.

HARI OKU MUQARRABUN 2022



Majlis Berbuka Puasa OKU Bersama Kerajaan Negeri Kelantan 2017



Sambutan Hari OKU Muqarrabun Negeri Kelantan 2017

HARI OKU MUQARRABUN 2022



Penganugerahan Pelajar Cemerlang OKU kepada
Adik Mohd Faiz bin Ibrahim yang memperolehi 8A SPM 2017



Penyampaian Anugerah Khas kepada
Adik Muhammad Qayyim Nizar Sarimi (OKU Penglihatan) 2014

HARI OKU MUQARRABUN 2022

7

Menghadiri perbincangan bersama Roadshow MOB (Pusat Latihan Orang Buta)

8

Membekalkan kerusi roda ke Jabatan Agama Islam Kelantan untuk memudahkan urusan klien OKU

9

Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

- dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan
- merupakan satu kaedah pembangunan komuniti untuk OKU dimana pencegahan, pemulihan dan pembangunan boleh dilaksanakan dengan penglibatan aktif keluarga dan masyarakat setempat supaya dapat mengecapi peluang sama rata serta diintegrasikan dalam masyarakat dan sekolah pendidikan khas selepas umur 7-18 tahun, dan 18 tahun ke PDK.
- dibuka kepada OKU dari semua jenis ketidakupayaan dari semua peringkat umur tetapi lebih kepada masalah pembelajaran. Hari dan waktu operasi PDK bagi negeri Kelantan adalah pada hari Ahad-Rabu dan lawatan ke rumah adalah pada hari Khamis. PDK beroperasi selama 4jam (8.00 pagi – 12 tengahari).
- Bagi negeri Kelantan sebanyak 43 PDK merangkumi seluruh jajahan.
- Aktiviti yang dijalankan di PDK adalah:

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Senaman	Aktiviti Pengurusan Diri	Aktiviti dalam komuniti	Perkembangan pertuturan
3M (Membaca, Menulis dan Mengira)	Muzik	Kemahiran Pra Vokasional	Program Pemulihan
Kemahiran Motor Halus / Motor Kasar		Sukan/ Kebudayaan/ Rekreasi dan Sosialisasi	

10

Membuka perkhidmatan refleksologi atau mengurut berbayar yang dikendalikan sepenuhnya oleh OKU di program-program utama anjuran kerajaan negeri.

11

Beberapa NGO seperti Majlis Pemulihian Malaysia di Jalan Bayam dan Telong, Bachok yang menjalankan aktiviti ekonomi OKU dengan memberi kemahiran seperti kraf, perabut, sampul surat dan sebagainya untuk memastikan OKU menjana pendapatan dan mampu berdikari.

12

Majlis Orang Buta Malaysia juga memberikan kemahiran dan latihan kepada orang buta untuk mendapatkan pekerjaan dan menyara kehidupan.

13

Kerjasama dengan YOKUK dalam mencari dana dengan mengadakan Gegey Festival bagi mencari dana OKU dan OKU juga turut terlibat menjual hasil tangan mereka.

14

Pemberian Mujam Quran Braille kepada NGO OKU iaitu PERTIS dan SBM oleh kerajaan negeri.

HARI OKU MUQARRABUN 2022



Menjalankan aktiviti kemahiran bagi menjana pendapatan



Perkhidmatan Refleksologi di Program Kerajaan Negeri yang dikendalikan sepenuhnya oleh OKU

HARI OKU MUQARRABUN 2022



Majlis Penyerahan Mu'jam Quran Braille kepada wakil persatuan SBM dan PERTIS pada 22 Ogos 2017



Majlis Penyerahan Mu'jam Quran Braille kepada wakil persatuan SBM dan PERTIS pada 22 Ogos 2017

HARI OKU MUQARRABUN 2022

15

Dua orang Jurubahasa Isyarat telah dilantik di bawah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita bagi membantu kebajikan warga OKU pekak. Khidmat jurubahasa isyarat ini diperluaskan dalam setiap program samada secara bersemuka atau secara atas talian.



HARI OKU MUQARRABUN 2022

16

Agihah sumbangan Ramadhan dan Raya merupakan aktiviti tahunan yang dilaksanakan bagi kebajikan warga OKU sebagai persediaan menyambut Hari Raya. Agihan sumbangan dibuat kepada 1000 OKU seluruh Kelantan.



HARI OKU MUQARRABUN 2022

17

Pemberian Takaful Ar-Rahmah (Khairat Kematian Percuma RM1000) kepada OKU Terlantar.



HARI OKU MUQARRABUN 2022

18

Tambahan Katil Wakaf iaitu 2 unit setiap dun.



HARI OKU MUQARRABUN 2022

19

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) untuk OKU dan Pesakit Terlantar (18 Tahun ke atas) serta Program Vaksin Berkelompok.



20

Pelancaran Duta OKU Kelantan - Pelantikan Duta OKU adalah sebagai advokasi tentang tanggungjawab dan hak OKU selain berperanan sebagai perantara / fasilitator dalam memberi kesedaran dan penerangan mengenai keperluan OKU kepada Kerajaan mahupun lain - lain agensi.



HARI OKU MUQARRABUN 2022

21

Duta OKU menghadiri Sambutan Hari OKU Sedunia pada 3 Disember 2021



HARI OKU MUQARRABUN 2022

22

Siri Ziarah Menyantuni OKU di DUN.



HARI OKU MUQARRABUN 2022

**JAWATANKUASA
PELAKSANA HARI
OKU MUQARRABUN
2022**

HARI OKU MUQARRABUN 2022

JAWATANKUASA PEMILIHAN TOKOH OKU

YB Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita

YB Ustaz Wan Roslan bin Wan Hamat

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Belia, Sukan & NGO
Negeri Kelantan

YB Puan Rohani binti Ibrahim

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga
dan Wanita

YB Dato' Haji Hassan bin Mohamood

ADUN Tawang

YB Dato' Haji Che Mohd Rahim bin Haji Jusoh

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan

YB Senator Dr Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff

Ahli Dewan Negara

YABrs. Dr Nazmi Ghazali bin Azmi

Pengarah Unit Pemantauan Dan Pelaksanaan Strategik Pejabat Menteri
Besar (SPARK)

YABrs. En Said bin Sidup

Pengarah JKM

YABrs. Dr Wan Nik binti Wan Yusof

Pengarah Pusat Kajian Strategik

YABrs. Dato' Dr Johari bin Mat

Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru

YBrs. En Jamaluddin bin Ishak

Pengarah Majlis Penghulu Negeri Kelantan

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Prof. Madya Dr. Mohamed Saat bin Ismail

Pensyarah Universiti USM Pusat Pengajian Sains Kesihatan USM

YBrs. Mohammad Faizal bin Che Yusof

Pegawai Khas Pejabat Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

YBhg. Ustazah Asmak binti Husin

Selebriti Dakwah

YABrs. Puan Ilvira binti Mohd Dasuki

Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita

YBrs. Puan Mas Rozita binti Mas Mohamad

Timbalan Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita

YBrs. Puan Nor Hasidah binti Ismail

Pegawai Khas Pengurus Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita

YBrs. Puan Wan Noriah binti Wan Ramli

Pengurus Min House Camp

YBhg. En. Mohd Ramli bin Abdul Rahman

Pengerusi Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK)

Puan Tuan Azura binti Raja Ismail

Penolong Pengarah Kanan Unit Kebajikan (UPJ)

HARI OKU MUQARRABUN 2022

JAWATANKUASA PELAKSANA

YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Hj Ahmad bin Yakob
Menteri Besar Kelantan

YB Dato' Hajah Mumtaz binti Md. Nawi
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita

YB Puan Rohani binti Ibrahim
Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga
dan Wanita

YABrs. Puan Ilvira binti Mohd Dasuki
Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita

YBrs. Puan Mas Rozita binti Mas Mohamad
Timbalan Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan
Wanita

YBrs. Puan Tuan Azura binti Raja Ismail
Penolong Pengarah Kanan Unit Kebajikan Urus Setia Kebajikan,
Pembangunan Keluarga dan Wanita

HARI OKU MUQARRABUN 2022

JAWATANKUASA SEKRETARIAT & PUSAT MAKLUMAT

1. Puan Nurul Adilah binti Che Soh
2. Puan Nik Nurul Atikah binti Nik Mahmud
3. Puan Nur Hidayah binti Zawawi
4. Puan Nazurah binti Razani
5. Puan Siti Nur Atirah binti Mohamad Shaadi
6. Puan Nurulhana binti Ramli

JAWATANKUASA TOKOH

1. Puan Siti Amani binti Mohd Rahim
2. Puan Norsham Shamsudin
3. Encik Mohd Razali bin Md Din
4. Puan Nur Farhana binti Md Noor
5. Puan Nurul Amirah Amani binti Bajozzaman

JAWATANKUASA PROJEK BUKU CENDERAMATA

1. Puan Nik Nurul Atikah binti Nik Mahmud
2. Puan Shahidah Salwa binti Hassan

3. Puan Siti Zulaika binti Sulaimi
4. Puan Nasywa binti Muhammad Ariff Bakhtiar

JAWATANKUASA PEREKA GRAFIK

1. Puan Farah Farhana binti Ab Malek
2. Puan Norazlina binti Mohd Nawi

JAWATANKUASA PENGURUS ACARA PENTAS ATAS

1. Puan Siti Hajartum Akmal binti Mohammad
2. Puan Samiah binti Abdullah
3. Puan Shazwani binti Sanusi
4. Puan Norsyamimi binti Ab Manah
5. Puan Nurul Syazwani binti Johari
6. Puan Nur Ain binti Husni
7. Puan Che Nor Syahida binti Che Malik
8. Puan Nur Shahirah binti Zulkifli

HARI OKU MUQARRABUN 2022

JAWATANKUASA PENGURUS ACARA PENTAS BAWAH

1. Puan Bazilah binti Kamaruldin
2. Puan Nik Nur Asma Zulykha binti Nik Hassan
3. Puan Tuan Nur Azwanie binti Tuan Mat
4. Puan Tuan Nor Amirah Atiqah binti Tuan Silmi
5. Puan Nurul Aqilah binti Mohamad Rosli

JAWATANKUASA PENGURUS *EMCEE*

1. Puan Nur Hafizah binti Mat Husain

JAWATANKUASA KOMUNIKASI MEDIA, KORPORAT & PUBLISITI

1. Puan Badura binti Bakri

JAWATANKUASA PROTOKOL, PENYAMBUT TETAMU & *FRONTLINE* PERSONNEL

1. Puan Nur Adyani binti Mohamed
2. Puan Norhasidah Ismail
3. Puan Sharifah binti Abdul Rahman

4. Puan Zainee binti Mohd Ishak
5. Puan Wan Rosmah binti Wan Ibrahim
6. Puan Roshayati binti Hassan
7. Puan Siti Rohana binti Mohd Ali
8. Puan Farawaheeda binti Matwi
9. Puan Yau Mei Ling
10. Puan Wan Rohani binti Wan Omar
11. Puan Mastura Aini binti Abdul Rahman
12. Puan Fadilah binti Majid
13. Puan Jamimah binti Din
14. Puan Mek Eshah binti Mat Jusoh
15. Puan Bazlaini binti Yusof
16. Puan Siti Aminah binti Ismail
17. Puan Norhanan binti Mohd Nor
18. Puan Noriah binti Razak

JAWATANKUASA PEGAWAI PENGIRING DAN SUKARELAWAN

1. Encik Ahmad Mustapha bin Ab Azais
2. Puan Rabiatul Adawiyah binti Yusof
3. Puan Susilawati binti Hasan

HARI OKU MUQARRABUN 2022

4. Puan Nurhidayah binti Razali

JAWATANKUASA PERSIAPAN TEMPAT & AGIHAN SUMBANGAN

1. Encik Muhammad Hilmi bin P.Rameli
2. Encik Muhammad Abdul Aziz bin Mohamed Zin
3. Encik Muhammad Faqih bin Najmuddin

JAWATANKUASA PAMERAN DAN PHOTOBOTH

1. Puan Nik Nur Nabilah Nik Mahmood
2. Puan Noraisyatul Izzati binti Omer@Omar

JAWATANKUASA TEKNIKAL, SIARAYA & MULTIMEDIA

1. Puan Nik Safilah binti Mat Daud
2. Puan Siti Nur Hafizah binti Ab Aziz
3. Puan Nur Syafiqah binti Mohd Adnan
4. RTV Kelantan
5. Urusetia Penerangan dan Komunikasi

JAWATANKUASA PENDAFTARAN

1. Puan Nur Sabrina binti Shaari
2. Puan Nur Aqilah binti Hasan
3. Encik Nurul Ikhwan bin Suhaimi
4. Puan Nur Imane Balqis binti Ramli
5. Puan Rohati binti Mat Nor
6. Puan Rokiyah binti Ismail
7. Puan Khilni binti Muhammad
8. Puan Nazimah binti Abd Hamid

JAWATANKUASA CENDERAMATA

1. Puan Nur Aina binti Othman
2. Puan Nur Aisyah binti Adnan
3. Puan Farah Hamizah binti Hassan
4. Puan Nor Mazlina binti Hasan
5. Puan Siti Nur Shakirah binti Suhaimi
6. Puan Nik Nur Sabiha binti Nik Ahmad Badri
7. Puan Wan Siti Fatimatul Alya binti Wan Hassan

HARI OKU MUQARRABUN 2022

JAWATANKUASA JURUGAMBAR

1. Puan Shasliza binti Samsuddin
2. Puan Nurul Syuhada binti Jamaluddin

JAWATANKUASA PENGANGKUTAN LOGISTIK & TUGAS-TUGAS KHAS

1. Puan Aimi Munirah binti Abd Aziz
2. Puan Wan Siti Nur Nazihah binti Wan Yusoff
3. Encik Muhammad Ariff bin Mohd Noor
4. Encik Muhammad Ashraf bin Zulkarnain
5. Encik Muhammad Amirul Irfan bin Mohd Nasir

JAWATANKUASA KESELAMATAN & LALULINTAS

1. Encik Mohd Aliman bin Ismail
2. Encik Mohd Firdaus bin Nawi
Anggota Jabatan Amal Negeri Kelantan

**LATAR
BELAKANG
HARI OKU
MUQARRABUN
2022**

HARI OKU MUQARRABUN 2022

LATAR BELAKANG HARI OKU MUQARRABUN NEGERI KELANTAN 2022

01

Hari OKU mula disambut di Malaysia pada tahun 1981 sebagai Sambutan Antarabangsa Orang Cacat. Ia disambut bersama Negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang lain. Pada tahun 1992, PBB mengistiharkan 3 Disember sebagai Hari Orang Kurang Upaya Antarabangsa. Mulai 3 Disember 1994, Malaysia mengadakan sambutan hari OKU peringkat kebangsaan setiap tahun.

02

Di Kelantan pula, Sambutan Hari OKU Peringkat Negeri Kelantan pertama kali telah diadakan pada tahun 2013. Justeru, bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang potensi dan nilai diri OKU serta sebagai menghargai sumbangan OKU dalam pelbagai aspek dalam pembangunan negeri, penghargaan dan pengiktirafan kerajaan kepada golongan OKU ini direalisasikan melalui Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Negeri dan pada tahun ini, sedikit kelainan berbanding dengan penganjuran sebelumnya dengan mengadakan program Sambutan Hari OKU Muqarabun selaras dengan Gagasan OKU Muqarabun yang digubal pada 2018.

03

Seiring dengan tema, 'Negeri Berkebajikan, Membangun Bersama Islam' menjadi fokus kerajaan negeri untuk sentiasa komited dalam usaha meningkatkan kesejahteraan OKU berteraskan falsafah bahawa golongan ini juga mempunyai hak yang sama dengan orang lain. Oleh itu, bagi merealisasikan hasrat dan aspirasi tersebut, setiap rakyat di negara ini harus memberi peluang yang sewajarnya untuk golongan OKU bagi merealisasikan potensi diri mereka ke tahap paling optimum untuk membina masyarakat yang progresif, inklusif dan penyayang.

HARI OKU MUQARRABUN 2022



**OBJEKTIF
HARI OKU
MUQARRABUN
2022**

HARI OKU MUQARRABUN 2022

OBJEKTIF HARI OKU MUQARRABUN NEGERI KELANTAN 2022

1

Merapatkan lagi hubungan kerjasama antara kerajaan dengan pertubuhan sukarela serta sektor korporat dan komuniti dalam usaha mewujudkan pelbagai usahasama dengan OKU.

2

Mempertingkatkan kebolehan, keupayaan, kemampuan serta kemahiran golongan OKU ke arah pencapaian yang cemerlang dan sekaligus memanfaatkan aset pembangunan Negara.

3

Meningkatkan kesedaran kepada masyarakat tentang tanggungjawab mereka terhadap OKU dan seterusnya menggerakkan komuniti supaya meningkatkan kemudahan-kemudahan untuk OKU.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

**ATUR CARA
HARI OKU
MUQARRABUN
2022**

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Hari Pertama : 18 Ramadan 1443H / 20 April 2022 (Rabu)

Masa	Aktiviti
12:00 t/hari	Pendaftaran dan Ketibaan Dif Jemputan
12:45 t/hari	Taklimat Khas daripada PERKESO
1:15 t/hari	Solat Zohor Berjemaah
1:50 t/hari	Ucapan Pembukaan oleh Pengerusi Majlis
2:00 petang	Bicara OKU Muqarrabun: “OKU Kunci Keberkatan” Ketibaan YB Dato’ Hajah Mumtaz binti Md Nawi Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan Ketibaan Yang Amat Berhormat Ustaz Dato’ Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2:40 petang	Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran
2:45 petang	Ucapan Aluan Oleh : YB Dato’ Hajah Mumtaz binti Md Nawi
3:00 petang	Ucapan Perasmian YAB Ustaz Dato’ Bentara Kanan Ustaz Dato’ Haji Ahmad bin Yakob Menteri Besar Kelantan
3:15 petang	<ul style="list-style-type: none"> ● Gimik Pelancaran Wakaf Kerusi Roda Elektrik ● Gimik Pelancaran MPPOK Rakan Sinergi PERKESO ● Gimik Penyampaian Infaq Internet dan Wadah Digital Mesra Ummah kerjasama Klix Service Sdn Bhd ● Gimik Penyampaian Sumbangan kepada 7 Wakil Persatuan ● Cabutan Bertuah Perdana ● Sesi Fotografi
4:15 petang	Tuntutan Hadiah Cabutan Bertuah dan Sumbangan melalui Persatuan masing-masing
4:30 petang	Solat Asar dan Bersurai

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Hari Kedua : 19 Ramadan 1443H / 21 April 2022 (Khamis)

Masa	Aktiviti
8:00 pagi	Pendaftaran dan Ketibaan Dif Jemputan
8:40 pagi	Ketibaan Yang Berhormat Dato' Hajah Mumtaz Md Nawi Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga, dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan
	Ketibaan YB Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
8:50 pagi	Ucapan Pembukaan oleh Pengerusi Majlis
9:00 pagi	Bacaan Ayat Suci Al-Quran
9:10 pagi	Persembahan OKU Berdoa
9:20 pagi	Ucapan Aluan YB Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga, dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan
9:35 pagi	Ucapan Perasmian YB Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
	Gimik Perasmian Sambutan Hari OKU Muqarabun Pelancaran Tabung OKU Muqarrabun
	Majlis Penganugerahan Tokoh OKU
	1. Tokoh OKU Muqarrabun 2. Tokoh Usahawan OKU (L)

HARI OKU MUQARRABUN 2022

3. Tokoh Usahawan OKU (P)
4. Tokoh Atlet OKU Fizikal (L)
5. Tokoh Atlet OKU Penglihatan (L)
6. Tokoh Atlet OKU Masalah Pembelajaran (L)
7. Tokoh Atlet OKU Fizikal (P)
8. Tokoh Atlet OKU Penglihatan (P)
9. Tokoh Atlet OKU Masalah Pembelajaran (P)
10. Tokoh Akademik OKU Fizikal (L)
11. Tokoh Akademik OKU Penglihatan (L)
12. Tokoh Akademik OKU Fizikal (P)
13. Tokoh Akademik OKU Penglihatan (P)
14. Tokoh Aktivis OKU (L)
15. Tokoh Aktivis OKU (P)
16. Tokoh Budayawan OKU (Kategori Kraf)
17. Tokoh Budayawan OKU Kategori Seni Suara)
18. Tokoh Budayawan OKU (Anugerah Khas)
19. Tokoh OKU Sohor (Influencer) (L)
20. Tokoh OKU Sohor (Influencer) (P)
21. Tokoh Selebriti OKU
22. Tokoh OKU Tani
23. Ikon OKU Tani
24. Tokoh OKU Ternak
25. Tokoh Abilympics (L)
26. Tokoh Abilympics (P)
27. Tokoh OKU Wakil Kaum
28. Tokoh Keluarga OKU Mawaddah
29. Tokoh Aktivis Cakna OKU (L)
30. Tokoh Aktivis Cakna OKU (P)
31. Tokoh Ibu Bapa / Penjaga OKU
32. Tokoh Waris Cakna OKU
33. Tokoh OKU Parlimen

HARI OKU MUQARRABUN 2022

34. Anugerah Khas Premis Mesra OKU :

- i) Anugerah Masjid Mesra OKU
- ii) Anugerah PBT Mesra OKU
- iii) Anugerah Pejabat Mesra OKU

Sesi Fotografi

Bersurai



DESKRIPSI REKA BENTUK LOGO

HARI OKU MUQARRABUN 2022

DESKRIPSI REKA BENTUK LOGO HARI OKU MUQARRABUN NEGERI KELANTAN 2022



PENDAHULUAN

Logo OKU Muqarrabun Negeri Kelantan telah dicipta khusus untuk Sambutan Hari OKU Muqarrabun Negeri Kelantan 2022 anjuran Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa).

Logo OKU Muqarrabun merupakan hasil kombinasi 3 elemen utama yang menjadi simbolik kepada sambutan Hari OKU Muqarrabun Negeri Kelantan pada tahun ini. Pendefinisian secara menyeluruh tentang elemen yang terdapat di dalam logo ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian:

1. Bentuk/ Simbol
2. Warna
3. Tulisan

HARI OKU MUQARRABUN 2022

1. BENTUK/ SIMBOL



Dua Tangan:

Dua tangan yang sedang berdoa melambangkan sifat manusia dalam keperluannya berikhtiar dengan berdoa dengan yakin dan ikhlas kepada Allah SWT dalam segenap urusan kehidupan. Dalam unsur keikhlasan ini terdapat tuntutan untuk sabar menghadapi dugaan serta bersyukur setelah mendapat kejayaan.



Bulan, Bintang, Tombak dan Keris:

Merupakan lambang yang digunakan dalam jata negeri Kelantan yang digunakan pada dokumen rasmi kerajaan. Lambang tersebut mengandungi empat (4) unsur utama yang mempunyai maksud tersendiri. Bulan dan bintang merujuk kepada agama Islam sebagai agama rasmi negeri, manakala dua bilah keris dan dua batang tombak adalah simbol kekuatan dan kegagahan orang Melayu di negeri Cik Siti Wan Kembang.



Simbol OKU:

Simbol OKU melambangkan terdapat tujuh (7) kategori OKU yang diklasifikasikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu pembelajaran, fizikal, mental, penglihatan, pendengaran, OKU pelbagai, dan pertuturan. Kerajaan Kelantan telah menjadikan OKU sebagai salah satu golongan sasar yang diberi perhatian khusus dengan menyediakan persekitaran kondusif kepada semua kategori ketidakupayaan selain dapat melahirkan budaya komuniti yang lebih cakna dan berkebajikan terhadap OKU.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

3. TULISAN



Tulisan jawi khat Muqarrabun:

Melambangkan komitmen Kerajaan Negeri Kelantan dalam mendaulatkan tulisan khat yang merupakan kesenian Islam sejak dahulu lagi. Tulisan jawi khat "Muqarrabun" bermaksud golongan yang dekat dan diberi darjat yang tinggi di sisi ALLAH SWT. Gagasan OKU Muqarrabun merupakan satu gagasan khas untuk pembangunan OKU yang dirangka bagi menjadi dasar penting kerajaan negeri dalam usaha membangunkan OKU berdasarkan potensi dan keupayaan diri golongan OKU. Dalam menjayakan gagasan ini, semua pihak perlu memperakui bahawa OKU merupakan salah satu bukti kekuasaan Allah SWT sebagai ujian dan anugerah kepada insan keseluruhannya.




Tulisan rumi OKU:

Tulisan rumi OKU merupakan singkatan untuk Orang Kurang Upaya. Berdasarkan Akta Orang Kurang Upaya 2008, istilah tepat bagi akronim "OKU" ialah "Orang Kurang Upaya" dan bukannya "Orang Kelainan Upaya". Istilah ini telah dipersetujui oleh golongan OKU dan pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili kepentingan OKU.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

3. WARNA

	<p>Warna Putih: Warna putih yang menjadi latar belakang logo Hari OKU Muqarrabun Negeri Kelantan merupakan lambang kesucian dan keluhuran. Sesuai dengan fitrah manusia yang dilahirkan dalam keadaan suci bersih dan terfitrah dengan kuat di atas kebaikan. Mereka ialah golongan orang-orang yang berbahagia dan kebahagiaan inilah yang ditetapkan pada akhir hidupnya, tanpa mengira rupa bentuk fizikalnya.</p>
	<p>Warna Merah: Warna merah yang mendasari tulisan jawi dan rumi di dalam logo bertujuan menunjukkan keberanian, kemegahan dan kegigihan Kerajaan Negeri Kelantan dalam melaksanakan gagasan Membangun Bersama Islam (MBI) yang sudah berdiri teguh selama lebih 30 tahun.</p>

Penafian:

Pemilihan reka bentuk dan warna yang digunakan di dalam logo Hari OKU Muqarrabun adalah cetusan idea dan pilihan pihak penganjur iaitu Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa) yang cuba memberi gambaran intipati kebajikan OKU sekaligus menjadi gagasan dan dasar penting kerajaan negeri. Ia sekali-kali tidak bermaksud untuk memberi gambaran yang tidak realistik tentang Negeri Berkebajikan ini, namun U-KeKWa sedar di sana masih banyak ruang dan medan yang perlu dibaiki dalam melaksanakan dasar-dasar demi menggapai redha Allah SWT.

HARI OKU MUQARRABUN 2022



**KRITERIA
PENCALONAN
TOKOH OKU
2022**

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Pencalonan perlulah mematuhi dan memenuhi syarat - syarat yang ditetapkan oleh pihak urusetia sebelum mencalonkan atau menghantar borang pencalonan. Berikut merupakan syarat - syarat umum dan khusus yang telah ditetapkan mengikut kategori.

KRITERIA UMUM PENYERTAAN:

- 1) Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang bermastautin di Kelantan KECUALI kepada kakitangan dan ahli keluarga kakitangan Urusetia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan.
- 2) Setiap penyertaan hendaklah melalui borang penyertaan yang dikeluarkan oleh pihak urusetia dan boleh dicetak semula oleh peserta. Borang hendaklah dicetak di atas kertas berwarna HIJAU seperti borang asal
- 3) Setiap calon hanya layak untuk pencalonan SATU KATEGORI SAHAJA.
- 4) Setiap calon BELUM PERNAH menerima sebarang anugerah daripada pihak U-KeKWa
- 5) SETIAP PENCALONAN hendaklah diserahkan bersama BORANG PENYERTAAN yang diisi dengan lengkap dan SEKEPING GAMBAR berukuran passport dan 3R, serta sekurang-kurangnya TIGA KEPING GAMBAR calon yang berkaitan dengan kategori pencalonan.
- 6) Tarikh tutup serahan borang penyertaan adalah PADA 25 REJAB 1443H / 27 FEBRUARI 2022 (AHAD) JAM 12.00 TENGAH HARI.
- 7) Pemenang akan dimaklumkan melalui telefon dan surat.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

- 8) Majlis Penganugerahan akan diberikan di dalam Program Sambutan Hari OKU Muqarrabun 2022 yang akan berlangsung pada satu tarikh yang akan dihebahkan kemudian.
- 9) Bukti penghantaran pos bukan bukti penerimaan. Pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan yang tidak lengkap dan sukar dibaca. Penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup juga akan dikira batal.
- 10) Semua kos yang berkaitan dengan majlis penganugerahan termasuklah kos pengangkutan, penginapan (jika ada), adalah menjadi tanggungjawab pemenang.
- 11) Kesemua maklumat penyertaan Tokoh OKU Muqarrabun Negeri Kelantan (Gambar / maklumat tokoh dan sebagainya) menjadi hak milik penganjur. Pihak penganjur berhak menggunakan maklumat tersebut untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan bahan pameran tanpa notis/ saguhati terlebih dahulu.
- 12) Keputusan Jawatankuasa Sekretariat Pencarian Tokoh OKU Muqarrabun Negeri Kelantan 2022 adalah MUKTAMAD. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

KRITERIA KHUSUS PENCALONAN DAN IKON:

KATEGORI TOKOH OKU MUQARRABUN (L/P)

- Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan;
- Wanita dan Lelaki;
- Berumur 18 tahun dan ke atas;
- Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang pembangunan OKU secara aktif lebih 5 tahun;
- Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha membantu masyarakat OKU di pelbagai tahap tanpa mengharapkan pulangan yang lumayan secara peribadi;
- Terlibat secara aktif dalam program-program kebajikan OKU, pembangunan masyarakat dan lain-lain yang berkaitan.

KATEGORI TOKOH USAHAWAN OKU (L/P)

- Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan;
- Lelaki dan Wanita;
- Berumur 21 tahun dan ke atas;
- Terlibat dalam bidang keusahawanan secara aktif;
- Perniagaan yang dijalankan mestilah didaftarkan dan beroperasi di negeri Kelantan dan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun beroperasi;
- Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan keusahawanan kepada masyarakat umum;
- Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri dalam bidang keusahawanan;
- Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan OKU melalui mekanisme keusahawanan.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

KATEGORI TOKOH ATLET OKU (L/P)

- Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan;
- Lelaki dan Wanita;
- Berumur 21 tahun dan ke atas;
- Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan sukan di pelbagai tahap;
- Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha memartabatkan ilmu dan pembinaan syakhsiyah melalui sukan;
- Keutamaan kepada calon yang pernah merangkul anugerah sukan di pelbagai peringkat dan pernah mewakili negeri, negara atau antarabangsa;

KATEGORI TOKOH AKADEMIK OKU (L/P)

- Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan;
- Lelaki dan Wanita;
- Berumur 21 tahun dan ke atas;
- Mempunyai kelulusan akademik di peringkat Ijazah dan keatas;
- Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang pembangunan dan peningkatan akademik dan Pendidikan serta dakwah OKU;
- Pernah menerima anugerah kecemerlangan professional/ akademik/ penyelidikan yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran pada peringkat Universiti, Kebangsaan ataupun antarabangsa;
- Menunjukkan komitmen dan kecemerlangan yang tinggi dalam usaha memartabatkan ilmu dan pembinaan syakhsiyah melalui akademik;
- Membawa impak secara langsung mahupun tidak langsung kepada masyarakat melalui aktiviti Pendidikan dan akademik yang dijalankan
- Calon yang masih berkhidmat dalam bidang akademik atau telah bersara.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

KATEGORI TOKOH AKTIVIS OKU (L/P)

- Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan;
- Lelaki dan Wanita;
- Berumur 21 tahun dan ke atas;
- Masih bekerja atau telah bersara dalam bidang berkaitan aktivis OKU di pelbagai tahap;
- Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha membantu OKU di pelbagai tahap tanpa mengharapkan pulangan yang lumayan secara peribadi;
- Terlibat secara aktif dalam program-program kebajikan, pembangunan masyarakat OKU dan lain-lain yang berkaitan;
- Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan OKU.

KATEGORI TOKOH BUDAYAWAN OKU (L/P)

- Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan;
- Lelaki dan Wanita;
- Berumur 21 tahun dan ke atas;
- Terlibat dalam bidang kesenian/ budayawan secara aktif dan yang patuh syariah;
- Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan kesenian dan kebudayaan terhadap masyarakat umum dan tanahair;
- Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri dalam bidang kesenian dan kebudayaan;
- Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan OKU melalui mekanisme kesenian dan kebudayaan;
- Pernah menghasilkan/ mencipta/ mengubah/ memimpin karya-karya seni dan memartabatkan khazanah seni dan warisan budaya;
- Pernah menerima anugerah dan menjulang nama di peringkat kebangsaan atau antarabangsa;

HARI OKU MUQARRABUN 2022

KATEGORI KATEGORI TOKOH KELUARGA OKU MAWADDAH

- Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan;
- Mempunyai sekurangnya 3 orang anak;
- Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam mendidik anak-anak sehingga berjaya.

KATEGORI TOKOH AKTIVIS CAKNA OKU (L/P)

- Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan;
- Lelaki dan Wanita;
- Berumur 21 tahun dan ke atas;
- Terlibat dalam bidang pembangunan OKU secara aktif lebih 5 tahun;
- Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang pembangunan OKU dan terhadap masyarakat umum;
- Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha memperkenalkan OKU di mata umum.
- Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan warga OKU melalui mekanisme kebijakan dan advokasi.

KATEGORI TOKOH OKU SOHOR (INFLUENCER) (L/P)

- Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan;
- Lelaki dan Wanita;
- Berumur 21 tahun dan ke atas;
- Mempunyai jumlah bilangan followers yang ramai di medsos (instagram, tiktok, dan facebook);
- Mempunyai interaksi yang aktif dan baik dengan followers dalam setiap kandungan post;
- Mempunyai sumbangan yang besar dan penting untuk menaikkan semangat dan bermanfaat kepada OKU serta masyarakat dalam setiap kandungan post;
- Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha memperkenalkan aktiviti – aktiviti yang bermanfaat dan berilmu yang telah dilakukan untuk tontonan umum.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

KATEGORI TOKOH IBU BAPA / PENJAGA ANAK OKU (IBN MAKUTUM)

- Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan;
- Lelaki dan Wanita;
- Pengalaman menjaga anak OKU sekurang-kurangnya tiga (3) tahun
- Ibu/ Bapa/ Penjaga yang mempunyai atau yang menjaga anak OKU sejak dilahirkan dan dibesarkan
- Menunjukkan usaha dan komitmen yang tinggi dalam membantu anak-anak/ jagaan OKU ke arah pembangunan diri yang lebih baik;

KATEGORI TOKOH WARIS CAKNA OKU

- Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan;
- Lelaki dan Wanita;
- Berumur 21 tahun dan ke atas;
- Merupakan waris yang bukan dalam kalangan keluarga terdekat. (Bukan dalam kalangan adik-beradik, bapa/ ibu saudara);
- Waris yang cakna kepada ahli keluarga OKU dan memberi komitmen, pengorbanan, masa, tenaga dan wang ringgit untuk mendidik dan menjaga OKU;
- Membantu secara berkala;

KATEGORI TOKOH OKU TANI

- Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan;
- Lelaki dan wanita;
- Berumur 21 tahun dan ke atas;
- Terlibat dalam bidang pertanian secara aktif.
- Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan pertanian terhadap masyarakat umum;
- Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri dalam bidang pertanian;
- Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan warga OKU melalui mekanisme pertanian.
- Belum pernah menerima sebarang anugerah dari U-KeKwa.
- Borang penyertaan hendaklah diisi dengan lengkap dan dilampirkan bersama tiga keping atau lebih gambar tambahan calon dan aktiviti yang berkaitan dengan pertanian.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

KATEGORI TOKOH OKU TERNAK

- Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan;
- Lelaki dan wanita;
- Berumur 21 tahun dan ke atas;
- Terlibat dalam bidang penternakan secara aktif.
- Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan penternakan terhadap masyarakat umum;
- Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri dalam bidang penternakan;
- Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan warga OKU melalui mekanisme penternakan.

KATEGORI TOKOH OKU PARLIMEN (14 ORANG)

- Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan;
- Lelaki dan Wanita;
- Berumur 21 tahun dan ke atas;
- Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha membantu warga OKU di pelbagai tahap tanpa mengharapkan pulangan yang lumayan secara peribadi;
- Terlibat secara aktif dalam program-program kebajikan, pembangunan masyarakat umumnya khususnya OKU dan lain-lain yang berkaitan di parlimen masing-masing;
- Keutamaan kepada calon yang yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan warga OKU di peringkat parlimen masing-masing.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

**BIOGRAFI
TOKOH & IKON
HARI OKU
MUQARRABUN
2022**

TOKOH OKU MUQARRABUN



**Muhammad Khairul Amilin
Bin Hassan**

Dilahirkan pada 5 September 1981 dan kini berusia 41 tahun. Berasal dari Lundang, Kota Bharu. Mempunyai Masalah Penglihatan (B3). Bertugas sebagai Pegawai Dakwah Halaqat KB dan Imam Rawatib Masjid Mukim Lundang.

Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Al Azhar Mesir dalam bidang Tafsir.

Sering terlibat sebagai penceramah menyampaikan kuliah di masjid dan majlis-majlis ilmu dan merupakan salah seorang tenaga penceramah MPPOK. Selain terlibat sebagai Skuad Upaya DUN Demit.

Anugerah yang pernah diterima ialah Pengurus Lajnah Daurah dan Kepimpinan merangkap ahli Majlis Mesyuarat Kerja (AMMK) 2003–2004, Anugerah pelajar berdisiplin sempena Bulan Penjanaan Jati Diri tahun 2004 dan Ketua Unit Penyelaras Pusat Khidmat DUN Demit dari tahun 2021-2023.

TOKOH USAHAWAN OKU

Mohd Tarmizi Bin Md Suji

Dilahirkan pada 15 Februari 1986 dan kini berusia 36 tahun. Berasal dan menetap di Tanah Merah. Merupakan Usahawan yang memperolehi berpendapatan kira-kira RM1 juta sebulan dengan bilangan pekerja normal seramai 14 orang. Beliau juga adalah Pengurus Persatuan OKUSIDA.



Telah berjaya membantu seramai 30 orang suri rumah menjana pendapatan, dan membantu 42 ketua keluarga menjana pendapatan. Menjadi inspirasi kepada rakan usahawan yang lain. Sering terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan secara sukarela dan menjalankan perniagaan jualan runcit secara online.

Anugerah yang pernah diterima adalah Anugerah Khas Ikon Usahawan OKU Belia Kelantan 2022.

TOKOH USAHAWAN OKU



Nik Suriyati Binti Zakaria

Dilahirkan pada 25 April 1986 dan kini berusia 36 tahun. Kini menetap di Gua Musang. Merupakan seorang Tukang Jahit dengan pendapatan RM2,000.00 setiap bulan dan mempunyai seorang pekerja.

Aktif dalam aktiviti belia felda dalam bidang jahitan. Dikenali sebagai tukang jahit yang kemas dan cermat. Manakala penglibatan dalam masyarakat, beliau sangat aktif dalam setiap program yang dianjurkan oleh pihak Felda.

Anugerah yang pernah diterima ialah Sijil Kursus Pembuatan Baju Kebaya, Sijil Kursus Jahitan Pakaian (Giatmara), Sijil Kursus Pembuatan Pakaian Kanak - kanak, Sijil Kursus Jahitan Pakaian Casual, Sijil Kursus Pembuatan Baju Melayu dan Baju Kurta, Sijil Kemahiran Malaysia Kelas Pendidikan Kemahiran (Jahitan) Jabatan KEMAS Kelantan dan Sijil Kursus Induksi Pentaulahan Persijilan Kemahiran Malaysia.

TOKOH ATLET OKU (FIZIKAL)

Wan Nur Azri Bin Wan Azman

Dilahirkan pada 29 September 1997 dan kini berusia 25 tahun. Berasal dari Kota Bharu dan merupakan Atlet sepenuh masa.



Pernah memenangi Pingat Gangsa, Asian Youth Para

Games Kuala Lumpur 2013, Pingat Emas, Asian Youth Para Games, Dubai 2017, Pingat Perak Kejohanan FAZZA World Cup, Dubai 2017, Pingat Perak, Asean Para Games Kuala Lumpur, 2017 dan Pingat Gangsa Kejohanan World Para Powerlifting World Cup di Bangkok, Thailand, 2021.

Selain itu, anugerah lain yang pernah diterima seperti Pingat Gangsa Asian Youth Para Games KL, 2013, Pingat Emas Asian Youth Para Games – Dubai UAE, 2017, Pingat Perak FAZZA World Cup, Dubai, Pingat Perak Asean ParaGames, KL 2017 dan World Para Powerlifting World Cup – Bangkok 2021 (Gangsa).

TOKOH ATLET OKU (FIZIKAL)



**Wan Napisah Binti Wan
Mahmud @ Mahmud**

Dilahirkan pada 24 Ogos 1987 dan kini berusia 35 tahun. Menetap di Pasir Puteh. Merupakan anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APMM).

Mewakili Kelantan dalam Sukan Para Sukma Perak 2018 dan mewakili Malaysia dalam 9th Asean Paragames 2017. Wakil Kelantan dalam Sukan Paralimpiad Sarawak, 2016.

Berkhidmat sebagai frontliner di bahagian Aduan Kecemasan APMM semasa banjir besar tahun 2017. Semasa masih normal, pernah berkhidmat sebagai penyelamat dan pencari mangsa dalam operasi kecemasan.

Anugerah yang pernah diterima ialah Pingat Emas, Sukan Paralimpiad 2016, Pingat Emas Sukan ParaSukma Perak 2018 dan Tempat ke-4, Sukan Powerlifting, 9th Asean Para Games 2017.

TOKOH ATLET OKU (PENGLIHATAN)

**Muhamad Zulhaizat Bin
Zainal Abidin**

Dilahirkan pada 1 Ogos 1998 dan kini berusia 24 tahun. Bekerja sendiri dan menetap di Bachok.



Penyumbang Pingat Gangsa dalam acara 400m di World Para Athletics Grand Prix, Beijing China. Menyumbang 3 Pingat Emas untuk Kelantan di Kejohanan ParaSukma Perak Darul Ridzuan dan 2 Pingat Gangsa untuk Malaysia di Asian Youth ParaGames, Dubai.

Anugerah yang pernah diterima, Pingat Emas 400m Asean ParaGames Kuala Lumpur 2017, Pingat Gangsa 400m & 200m Asian Youh ParaGames, Dubai UAE, Pingat Gangsa 400m World Para Athletics Grand Prix, Beijing, 2018 dan Pingat Emas 800m, 400m, 200m ParaSukma Perak, 2018.

TOKOH ATLET OKU (PENGLIHATAN)



**Siti Normasha Fitriah
Binti Mohd Shaparul**

Dilahirkan pada 7 November 2004 dan masih bersekolah di SMK Jelawat, Bachok. Berasal dari Bachok. Mendapat pendidikan awal di SK Ku Chik Long.

Walaupun mempunyai keterbatasan dalam pembelajaran, tidak menjadikan alasan untuk mewakili sekolah sehingga ke peringkat kebangsaan.

Anugerah yang pernah diterima seperti Naib Johan Kejohanan e-virtual Run PPKI Peringkat Kebangsaan dan Anugerah Puteri Sukan Peringkat PPD Bachok (Sek. Men).

TOKOH ATLET OKU (MASALAH PEMBELAJARAN)



**Muhammad Shahil Adika
Bin Asmadi**

Dilahirkan pada 2 Februari 2006 dan berusia 16 tahun. Kini menetap di Pasir Puteh. Merupakan seorang pelajar di SMK Seri Aman, Pasir Puteh.

Aktif membantu rakan perdana dan MBK lain dalam bidang kesukaran yang amat diminati iaitu bola speak. Anugerah yang pernah diterima, ialah Johan e-sports Pendidikan Khas peringkat Kebangsaan 2021 (Timbang Bola).


TOKOH ATLET OKU (MASALAH PEMBELAJARAN)

**Nur Alia Ardiela Natasya
Binti Ibrahim**

Dilahirkan pada 17 Mac 2001 dan berusia 21 tahun. Merupakan Atlet Sepenuh Masa dan berasal dari Bachok.

Mewakili Kelantan dalam Kejohanan Paralimpiad Malaysia 2016 di Sarawak dan memperolehi pingat Emas. Selain itu, pernah memenangi pingat Gangsa dalam acara 400m untuk Malaysia dalam temasya Sukan Para Asean ke-9 pada tahun 2017.

Anugerah yang pernah diterima, Pingat Emas Lompat Jauh Para Sukma Perak, 2018, Pingat gangsa, 400m Sukan Para Asean ke-9, Kuala Lumpur 2017, Pingat Perak, 400m Kejohanan Paralimpiad Malaysia, Sarawak 2016 dan Olahragawati Khas Kecemerlangan Sukan PPAD Bachok.



TOKOH OKU AKADEMIK (FIZIKAL)



Ahmad Faiz Bin Ibrahim

Dilahirkan pada 19 Disember 1998 dan kini 24 tahun. Berasal dari Kubang Kerian, Kota Bharu. Baru sahaja menamatkan pengajian di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Antara penglibatan beliau bersama masyarakat ialah, menjadi jemputan ceramah motivasi di sekolah dan surau serta pernah menjadi panel jemputan forum anjuran Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (UniSZA).

Anugerah yang pernah diterima, Anugerah Pelajar OKU Cemerlang (PMR), Sijil Penghargaan Sambutan Hari OKU Muqarrabun 2017, Anugerah Pelajar Terbaik (Lelaki) 1439H Maahad YIK, Anugerah Tokoh Tok Kenali dan Anugerah Sijil Tahfiz UniSZA.

TOKOH OKU AKADEMIK (FIZIKAL)

**Anis Adilah Binti
Amlaki**

Dilahirkan pada 9 Februari 1997 dan berusia 25 tahun. Berasal dari Kota Bharu dan sedang menuntut di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam Bidang Kaunseling.



Pernah menjawat jawatan sebagai Pengarah Program Simposium Kesihatan Mental Belia OKU 2021, Setiausaha Penaja Majlis Belia OKU Kelantan, Naib Johan pertandingan menulis cerpen Kategori OKU, DBP 2021, Panelis “Segmen Kecek Kiro Kito” Radio Kelantan FM 2021, Bendahari Seminar Kesihatan Mental. Saya OKU, Santai Je, Jom Lepak 2021, Naib Presiden Kelab Istimewa Mahasiswa UPSI 18/19.

Mewakili Universiti SUMMIT Piala Kesukarelawan 2019, anjuran Yayasan Budi Penyayang, Unitec KL, Timb. Pengarah Program Jom Sahur Kolej Ungku Omar (KUO) 2018.

Anugerah yang pernah diterima antaranya Anugerah Khas Kepimpinan Ibn Ummu Maktum UPSI dan Anugerah Pelajar Aktif Psikologi (Rising Starts Award Psychology Gala Night).

TOKOH OKU AKADEMIK (PENGLIHATAN)



**Ahmad Haadzal Bin
Kamarulzalis**

Dilahirkan pada 23 Oktober 1993 dan berusia 29 tahun. Berasal dari Kg Chicha, Kota Bharu dan kini bertugas sebagai guru di SMKA Al-Mashoor (L), Georgetown, Pulau Pinang.

Antara penglibatan dalam masyarakat, melatih pelajar sekolah SMKKK2 ke pertandingan silat peringkat kebangsaan (2018-2020). Menjadi tester untuk Sijil Persilatan Seni Silat Cekak Hanafi (2019). Anugerah yang pernah diterima ialah Sijil Pembantu Jurulatih Seni Silat Cekak Pusaka Ustaz Hanafi.

TOKOH OKU AKADEMIK (PENGLIHATAN)

**Noor Auni Binti
Mohamed**

Dilahirkan pada 27 April 2003 dan berusia 19 tahun. Merupakan seorang pelajar dan menetap di Kota Bharu.

Merupakan mentor kepada murid berkeperluan khas lain dalam menyertai pertandingan ICT Challenge peringkat negeri dan kebangsaan. Disegani oleh rakan-rakan dan lawan dalam pertandingan. Beliau senang hati menolong rakan-rakan dalam pelajaran mahupun latihan

Anugerah yang pernah diterima, Anugerah Murid Cemerlang Sukan Dan Kokurikulum Pendidikan Khas peringkat Negeri Kelantan. (SM), 2021, Excellence Award E-Lifemap dalam pertandingan Global IT Challenge For Youth With Disabilities, 2021 dan Excellence Award E-Tool (PPT) Challenge Dalam Pertandingan Global IT Challenge For Youth with Disabilities.



TOKOH AKTIVIS OKU



**Mohd Zulkefali Bin
Jaafar**

Dilahirkan pada 17 Disember 1981 dan berusia 41 tahun. Tinggal di Peringat, Kota Bharu dan bertugas sebagai Sukarelawan dan aktivis OKU.

Antara penglibatan dalam masyarakat ialah aktif membantu mereka yang memerlukan khususnya golongan OKU, antara penggerak pemerkasaan OKU Muqarrabun yang berperanan menyusun atur program dakwah kepada OKU dan menyampaikan pelbagai sumbangan terutamanya kepada warga OKU.

Beliau merupakan Penyelaras OKU Parlimen (PPO) Ketereh, Penggerusi dan Exco MPPOK. Juga sentiasa mewakili MPPOK dalam program ziarah dan kunjungan hormat dengan menteri dan jabatan kerajaan.

TOKOH AKTIVIS OKU

Liza Binti Mamat

Dilahirkan pada 24 Julai 1980 dan kini berusia 42 tahun. Merupakan seorang Tukang Jahit dan menetap di Bukit Jawa, Pasir Puteh.

Beliau aktif melibatkan diri dalam program kemasyarakatan sehingga dilantik menjadi AJK KRT Kg Tualang Tinggi, Ahli Persatuan Insani dan Muslimat cawangan Tasek. Selain itu, beliau merupakan Ahli Skuad Upaya Limbongan dan Penolong Pengerusi Amanah Ikhtiar Cawangan Bukit Jawa.



TOKOH BUDAYAWAN OKU (KRAF)



Husmizi Bin Ibrahim

Dilahirkan pada 6 Februari 1974 dan berusia 48 tahun. Menetap di Pulai Chondong, Machang. Merupakan seorang pembuat Kraftangan (Sarung Golok, Keris, Wau).

Terlibat dalam program Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Pulai Chondong dan merupakan AJK Komuniti Rukun Tetangga (KRT) Mukim Alor Melaka.

Menyertai pertandingan wau peringkat sekolah bermula tahun 1987-1992. Pernah mewakili negeri Kelantan ke Pertandingan Wau Kebangsaan, 2007-2019.

Antara anugerah yang pernah diterima adalah Anugerah Jasamu Dikenang (Anugerah Khas) Pesta Wau Antarabangsa Kelantan Kali Ke 30, 2012, Anugerah Tokoh Seni Budaya Negeri Kelantan 2012 dan Johan Wau Puyuh Sobek/Cantik Kebangsaan Pesta Wau Antarabangsa Kelantan 2007 & 2019.

TOKOH BUDAYAWAN OKU (KHAS)

Yaacob Bin Idris

Dilahirkan pada 14 Julai 1950 dan kini berusia 72 tahun. Berasal dan menetap di Kg Tok Bok, Labok Machang. Merupakan seorang Tukang Rumah Tradisional.

Beliau adalah seorang tukang rumah tradisional dan moden yang kreatif. Sangat gemar membantu penduduk kampung dalam pembinaan rumah. Beliau juga adalah pereka mimbar Masjid Mukim Tok Bok dan sebahagian besar adalah hasil tangan beliau. Selain itu, beliau juga pereka jala dan jaring yang terkenal di kampungnya yang mana peminat burung akan menempah sangkar dan sarang darinya.



TOKOH BUDAYAWAN OKU (SENI SUARA)



**Veyza Bin Mohamed
Noor**

Dilahirkan pada 13 April 1987 dan berusia 35 tahun. Berasal dan menetap di Kg Bukit Peraksi, Cherang Ruku Pasir Puteh.

Pernah menyertai pertandingan siri jelajah Stage 2 Kelantan

2019 9 Kategori Idol Lagu Dikir Anugerah yang pernah diterima seperti Juara Terbaik Kebangsaan Dikir Barat, 2005.

TOKOH OKU SOHOR (INFLUENCER)

Muhammad Zulkifli Bin Nordin

Dilahirkan pada 23 Mei 1996 dan berusia 26 tahun. Berasal dan menetap di Gua Musang dan bertugas sebagai Penyelaras ICT Dun Paloh.

Mempunyai akaun Tiktok yang diikuti oleh seramai 97.4k.

Manakala FB Page sebanyak 1,187 like dan Fb Personal seramai 721 orang pengikut yang sentiasa mengikuti apa sahaja perkongsian yang dikongsi olehnya.

Penglibatan dalam masyarakat, pernah mengikuti beberapa program OKU di bawah Kerajaan Negeri Kelantan. Merupakan salah seorang Skuad Upaya yang mewakili DUN Paloh.

Selain itu sentiasa memanfaatkan media sosial untuk berkongsi tips harta tanah serta memberi kata-kata positif serta semangat mewakili suara OKU.

Anugerah yang pernah diterima ialah mendapat tempat ke-4 dalam Pertandingan Best Influencer Penerangan PAS Kelantan 2021 dan pernah mewakili Negeri Perak dalam Parasukma Perak 2018.



TOKOH OKU SOHOR (INFLUENCER)



**Siti Aira Sharina Binti
Meor Shamsuddin**

Dilahirkan pada 3 Januari 1988 dan kini berusia 34 tahun, berasal dari Pasir Puteh dan bekerja sebagai Pembantu Kilang Susu Dadih.

Mempunyai akaun tiktok iaitu Tiktok Aira Meor dan diikuti seramai 10.3k pengikut. Selain itu mempunyai Channel YouTube sendiri dan 136 subscribers dan 30 video.

Penglibatan dalam masyarakat, banyak membantu dan memperjuangkan hak dan kemudahan bagi golongan OKU Pekak seperti kemudahan kaunter dan komunikasi. Selain itu, beliau juga mengajar Bahasa Isyarat kepada komuniti dan rakan termasuk di Aplikasi Tiktok

Beliau juga menjaga nenek yang uzur dan terlantar setiap hari. Pernah menjadi panel dalam program "Kesedaran Bahasa Isyarat" selain memanfaatkan media sosial dengan memberi kesedaran mengenai golongan OKU terutamanya golongan pekak.

TOKOH SELEBRITI OKU

**Muhammad Asyiff Bin
Suhaimi**

Dilahirkan pada 17 Julai 2002 dan menetap di Kubang Kerian. Berusia 20 tahun dan merupakan seorang yang menghidap Mild Autism.

Merupakan seorang artis di bawah produksi sepupunya iaitu Syahmi Sazli Productions. Memenangi Anugerah Pelakon Komedи Popular TV3 pada tahun 2021.

Menjadi sebutan orang ramai apabila beliau berjaya melakonkan watak bersahaja dalam Drama Spontan di YouTube. Beliau dikenali sebagai bintang YouTube kerana kerap beraksi di channel YouTube milik sepupunya, Syahmi Sazli.

Pernah berlakon dalam beberapa drama pendek antaranya Baso Jate Pilih Rupo (2017), Drama Spontan (2019) dan Mail Totey (2020), manakala filem pula ialah Syif Malam Raya (2020), Mail Totey The Movie (2020) dan 35MM (2022).

Mempunyai akaun Instagram, asifsuhaimi02 dan mempunyai sebanyak 592,000 pengikut.



TOKOH OKU TANI



Khairil Anuar Bin Che Asaary

Dilahirkan pada 17 Jun 1984 dan berasal dan menetap di Temangan, Machang.

Mula melibatkan diri dalam bidang pertanian sejak tahun 2015. Bermula dengan 200 polibag, sekarang menjadi 2000 polybag. Menjalankan

projek penanaman berinovasi secara fetigasi gantung. Memfokuskan tanaman jenis gantung seperti terung, timun batang, lada merah, lada solok, petola, kacang panjang dan juga peria.

Mendapat hasil lebih RM4,000 setiap musim. Sebelum ini hampir mencecah RM10,000.00 pada setiap musim. Sentiasa mendapat permintaan yang tinggi dari kawasan setempat.

Mempunyai 2 orang pekerja tetap iaitu kakak dan anak saudara. Selain itu membekalkan bahan-bahan pertanian kepada penduduk sekitar antaranya anak-anak pokok cili, lada, timun batang, petola dan lain-lain. Juga memberi tunjuk ajar kepada petani baru yang berjinak-jinak dalam pertanian selain membekalkan tanah pertanian, polybag dan juga racun.

IKON OKU TANI

**Hilmi Akmal Bin
Rahimi**

Dilahirkan pada 2 Disember 2002 dan berasal serta menetap di Pasir Puteh. Baru berusia 20 tahun tetapi sangat komited dalam melakukan tugas pertanian.



Mula menceburkan diri dalam bidang pertanian sejak tahun 2018 lagi. Beliau juga melakukan projek penanam jagung, tembakai dan kacang tanah di kebun seluas $\frac{1}{4}$ ekar secara penggiliran.

Selain itu menanam sayuran lain seperti timun batang, kacang panjang dan ubi di atas tanah seluas 2 ekar. Setiap kali musim mendapat pendapatan kira-kira RM3,000.00. Tidak memiliki pekerja semuanya dilakukan sendirian.

TOKOH ABILYMPICS



Mazri Bin Mohamed

Dilahirkan pada 28 Julai 1971 dan berusia 51 tahun. Berasal dari Kg Masjid Tumpat sekarang menetap di Kuala Besar, Kota Bharu.

Pernah mewakili Malaysia ke Kejohanan Abylimpiks di Jepun dalam seni ukiran kayu dan mendapat tempat ketiga.

Juga pernah mewakili Malaysia dalam Abylimpiks ke Korea dan India.

Merupakan seorang tukang ukir kayu untuk jam dinding, pintu, hadiah dan lain-lain. Memperoleh pendapatan sebanyak RM500.00 hingga RM1,000.00 untuk setiap ukiran. Sekarang bekerja sebagai tukang rumah yang memasang pintu.

Terlibat aktif dalam persatuan OKU di bawah seliaan JKM di Jalan Bayam Kota Bharu. Sering membantu rakan-rakan OKU dengan menghantar ke klinik atau mendapatkan khidmat rawatan samada di klinik dan juga hospital.

TOKOH ABILYMPICS

Wan Noraini Binti Wan Hassan

Dilahirkan pada 8 Januari 1972 di Kg Bagan Bawah, Pulai chondong. Tetapi sekarang menetap di Kg Banggol Laha, Gual Ipoh, Tanah Merah. Dan berusia 50 tahun.



Mendapat tempat ketiga dalam pertandingan Abilympics Kategori Gubahan Bunga Kebangsaan di Kuala Lumpur pada tahun 2018. Selain itu, beliau juga membuat barang kraf tangan lain seperti membuat beg kait, menjahit beg samada menggunakan kaedah tangan atau mesin. Gubahan bunga menggunakan bahan terpakai seperti botol-botol plastik. Hasil gubahan kraf beg dan bunga ini menjadi sumber tambahan pendapatannya.

Dengan dibantu oleh anak sulung beliau dalam menyiapkan tempahan, beliau juga sedia menerima tempahan daripada rakan-rakan, ahli keluarga dan orang luar. Setiap bulan beliau boleh memperolehi kira-kira RM100.00 hingga RM500.00 bergantung kepada barang yang ditempah oleh pelanggan.

Selain aktif dalam sukan memanah Paralimpik juga, beliau merupakan ahli persatuan OKUSIDA dan INSANI yang aktif dalam program yang dianjurkan oleh persatuan dan MPPOK.

TOKOH OKU WAKIL KAUM



Wan Di A/P Eh Noy

Dilahirkan pada 27 Mac 1973 dan berusia 49 tahun.

Berasal dari Kg Berangan, Tumpat tetapi sekarang menetap di Kg Kubang Panjang, Cabang Empat, Tumpat.

Aktif dalam Persatuan OKUSIDA dan pernah memegang jawatan AJK OKUSIDA. Sangat aktif dan komited dalam program berkaitan OKU serta persatuan dan MPPOK sejak tahun 2009.

Walaupun berbangsa Siam, beliau tidak kekok untuk menyertai program yang dihadiri oleh ramai yang berbangsa Melayu.

Aktif sebagai ahli dalam Persatuan Spinal Pantai Timur (PSPT). Sebelum berkerusi roda, beliau aktif membantu semua golongan masyarakat. Sekarang banyak membantu golongan OKU terutamanya berkerusi roda.

Tugasan beliau adalah membantu semua OKU tidak kira pelbagai agama, bangsa juga kaum dalam apa jua perkara.

TOKOH KELUARGA OKU MAWADDAH



Haji Che Soh Bin Said

Dilahirkan pada 15 November 1946 dan berusia 76 tahun. Kini menetap di Kota Bharu. Memiliki seorang isteri bernama Zaliha Binti Dollah berusia 68 tahun dan mempunyai 8 orang anak. 6 orang daripada anak beliau bersekolah di sekolah Yayasan Islam Kelantan manakala selebihnya bersekolah di sekolah Kementerian. Kesemua anak-anak juga mahir membaca al-quran selain mengajar mengaji Al-Quran sebelum mendapat pekerjaan tetap.

Merupakan Imam di Surau Al-Khairiah, Raja Dewa dari tahun 1974 sehingga 2003. Selalu menyampaikan ilmu agama dan mengajar mengaji kepada masyarakat sekitar. Sangat aktif dalam program keagamaan seperti Majlis Maulid, Hari As-Syura dan lain-lain serta menjadi tempat rujukan masyarakat tempatan.

Pernah mendapat Naib Johan dalam Pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat OKU.

TOKOH AKTIVIS CAKNA OKU

Mohd Zulkifli Bin Abdul Rahim

Dilahirkan pada 11 Mei 1969 dan berusia 53 tahun.

Merupakan seorang pensyarah dalam bidang Terapi Carakerja pengkhususan OKU di USM Kubang Kerian.



Aktif dalam membentangkan kertas kerja berkaitan Terapi Carakerja di dalam dan luar negara.

Merupakan Pengurus Koperasi Cakna OKU Kelantan sejak 2015 sehingga sekarang. Timbalan Pengurus Pertubuhan Cakan OKU Kelantan sejak 2015 sehingga sekarang. Juga memegang jawatan Setiausaha Pertubuhan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Kubang Kerian dari tahun 2018 sehingga sekarang.

Presiden Persatuan Terapi Carakerja Malaysia (Malaysian Occupational Therapist Association, MOTA) dari tahun 2017-2019.

Antara sumbangan beliau adalah memulakan program rintis latihan pekerjaan OKU Intelek (VT@USM) dan menjalankan program latihan pekerjaan penOKU Intelek setiap tahun di Kelantan.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Memulakan program modifikasi khas kerusi roda - kerjasama Rajanagarindra Institute of Child Development (RICD). Program modifikasi dan penyerahan kerusi roda kepada OKU di Malaysia dan Selatan Thailand.

Penubuhan PDK Kubang Kerian, mewujudkan Pusat Khidmat Modifikasi kerusi roda di USM Kelantan, penubuhan rasmi PPDK Kubang Kerian, USM Kampus kesihatan.

Memulakan dan menjalankan projek pertanian komersial sebagai penjanaan ekonomi OKU, program latihan Pekerjaan OKU Intelek di PDK Pulau Pinang dengan kerjasama JKM Pulau Pinang.

Memulakan Pusat Latihan Pertanian OKU Masalah Pembelajaran di Rumah Seri Kenangan, Kemumin. Mewujudkan Pusat Sehenti OKU di USM dan membuka taska Auliya OKU, Pertubuhan Cakna OKU Kelantan.

Antara anugerah yang pernah diterima ialah Pingat dari Kerajaan Australia - Queensland Disaster Hero, 2011. Sijil Penghargaan Ahli Parlimen Australia, 2011. Anugerah Naib Canselor University of Queensland 2011 kategori Pelajar Antarabangsa. Sijil Penghargaan Libat Sama Universiti - Komuniti Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) USM. 2 anugerah Penghargaan UCTC 2015 iaitu Johan Keseluruhan dan Johan Kategori Kebajikan Sosial sempena minggu "Higher Education Week M'sia 2015 dan Anugerah Kecemerlangan Libatsama Universiti - Komuniti BJIM USM.

TOKOH AKTIVIS CAKNA OKU



Sulaini Binti Mat II

Dilahirkan pada 17 April 1976 dan berusia 46 tahun. Merupakan Ketua Pegawai Operasi Yayasan Orang Kurang Upaya Kelantan (YOKUK) sejak tahun 2003 dan kini menetap di Kg Pasir Hor, Kota Bharu.

Seorang yang suka membantu golongan OKU sejak tahun 2003 hingga sekarang. Bertanggungjawab menjalankan kajian dan menubuhkan Pusat Latihan Vokasional YOKUK pada tahun 2006 yang mana ianya melatih remaja OKU dalam kemahiran vokasional, komunikasi dan sebagainya sebelum mencebur ke bidang pekerjaan.

Melatih OKU dan pengaga OKU untuk merebut peluang pekerjaan dan memantau mereka selama 5 bulan sehingga 1 tahun yang mana ianya mendapat tajaan dari Yayasan Hasanah selama 2 tahun.

Menubuhkan Pasukan Perkhidmatan Paliatif yang pertama di Kelantan pada 2013 untuk membantu seramai 680 pesakit kronik terlantar yang berdaftar. Juga memiliki seramai 10 kakitangan yang terdiri dari matron, jururawat dan juruterapi. Yang menjalankan khidmat rawatan seluruh Kelantan kecuali Gua Musang, Kuala Krai, Jeli dan Dabong.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Mempelopori projek agihan juadah berbuka puasa harian kepada penduduk di kawasan pedalaman seperti di Kuala Krai, Gua Musang, Jeli, Bachok dan Pasir Puteh Sejak 2015 hingga 2021. Purata 100 keluarga sehari sehingga 28 Ramadan.

Mengetuai agihan barang keperluan asas kepada keluarga OKU mangsa Covid19 atau keluarga OKU sejak 2017. Seramai 700 keluarga seluruh negeri Kelantan.

Melatih 60 OKU dan ahli keluarga OKU menjalankan perniagaan atas talian dan pemantauan selama 5 bulan serta menganjurkan Karnival Tahunan YOKUK untuk membantu mengurangkan jurang kehidupan antara OKU dan masyarakat luar.

Antara anugerah yang pernah diterima antaranya Anugerah Dekan UITM, Anugerah Misi Kemanusiaan Bantuan Banjir Papisma Negeri Kelantan 2014-2015. Workshop “Writing Genetic Book Conference USM 2018, Training On Building NGO’s Capacity In Advocacy Work, 2019 organised by UNICEF. Grounding Human Rights In Malaysia For All : Embracing Change organised by Asian - Pacific Resource & Research Centre For Women (ARROW).

TOKOH IBU BAPA / PENJAGA OKU

**Siti Rubiah Binti
Mohammad**

Dilahirkan pada 3 November 1975 dan berusia 47 tahun. Sekarang menetap di Kota Bharu.

Mempunyai 8 orang anak yang mana 5 daripada mereka merupakan OKU Masalah

Pembelajaran manakala 3 yang lain adalah normal. Kesemua anak-anak OKU dihantar ke Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Mas kelas Pendidikan Khas. Kemudian menyambung Pendidikan di PDK Tg Mas.

Sangat aktif dan terlibat sebagai AJK Kawasan Rukun Tetangga (KRT), AJK Skim Rondaan Sukarelawan (SRS), AJK Muslimat cawangan Gayong dan Setiausaha K-10.

Walaupun seorang ibu tunggal namun berjaya mendidik kesemua anaknya termasuk anak istimewanya. Beliau juga sangat aktif dan menjadi AJK dalam program-program yang diadakan samada di peringkat sekolah dan kawasan.



TOKOH WARIS CAKNA OKU



Nik Noradila Binti Mohd Wira

Dilahirkan pada 27 Ogos 2002 dan berusia 20 tahun. Berasal dari Kg Salak, Tanah Merah. Sekarang masih menuntut di Universiti Teknologi Mara UiTM Seri Iskandar Perak di semester 4 dalam bidang Diploma Pengurusan Hartanah.

Membantu ibu menjaga ibu saudara OKU fizikal dan abang OKU masalah pembelajaran sejak kecil lagi. Namun begitu ibu kandungnya telah meninggal dunia pada tahun 2021 akibat beberapa komplikasi penyakit kronik dan beliau meneruskan menjaga ibu saudara dan abangnya. Dalam masa yang sama meneruskan pengajian secara atas talian.

Seorang yang bertanggungjawab dan penyayang serta mudah meminta pertolongan.

Pernah mendapat anugerah Motivator Terbaik semasa di UiTM.

ANUGERAH TOKOH OKU PARLIMEN

TOKOH OKU PARLIMEN TUMPAT



Roslan Bin Ismail

Dilahirkan pada 15 Julai 1972 dan berusia 50 tahun dan menetap di Pulau Seratus, Tumpat.

Menjadi mata dan telinga kepada masyarakat setempat terutamanya ibu tunggal, anak yatim, oku dan pesakit terlantar di kawasan sekitar tempat tinggalnya.

Walaupun seorang OKU fizikal, beliau tetap berkeupayaan membantu dengan menunggang motosikal roda tiga. Sanggup berulang alik dari rumah di Pulau Seratus ke bandar Kota Bharu untuk mengisahkan perihal kesusahan golongan-golongan terpilih untuk dimasukkan ke platform media massa.

Pernah juga terlibat dalam program anjuran Ustaz Ebit Liew dan pengasa The 3rd Force, Raja Shamri Raja Hussin. Pernah menerima Anugerah Belia Negara Peringkat Kelantan 2021 dan Rakan Jobs Malaysia Terbaik 2016&2017.

TOKOH OKU PARLIMEN PENGKALAN CHEPA

**Tuan Kolik Bin
Tuan Muda**

Dilahirkan pada 28 Januari 1958 dan berusia 64 tahun dan menetap di Badang, Kota Bharu.

Merupakan seorang yang sangat aktif sebagai Bendahari POCAM, dan juga Bendahari SKOK. Dan sentiasa mengajar sahabat OKU dalam bidang elektronik dan sentiasa peka dengan permasalahan serta membantu sahabat-sahabat OKU.

Seorang ahli RCO yang aktif dan sangat komited.



TOKOH OKU PARLIMEN KOTA BHARU



**Muhammad Hafidz
Bin Abdul Rahman**

Dilahirkan pada 18 Mei 1981 dan kini berusia 41 tahun. Kini menetap di Lundang, Kota Bharu.

Merupakan Penyelia Kanan Rimba Organik Min House Camp, Kubang

Kerian.

Seorang yang aktif dalam sukan dan pernah menyumbangkan pingat untuk Negeri Kelantan dalam Sukan Para Olahraga sejak tahun 2004 hingga 2007. Kemudian dari tahun 2010 hingga 2014 menyumbangkan pelbagai pingat untuk Kelantan dalam Kejohanan Sukan Paralimpik dan Powerlifting.

Aktif dalam NGO dan IRDK dalam menyumbangkan barangang dapur untuk OKU setempat.

Menjadi Ikon OKU di tempat kerja dalam memperkenalkan tanaman herba dan organik.

TOKOH OKU PARLIMEN PASIR MAS

Nor Sabri Bin Abu Bakar

Dilahirkan pada 29 November 1958 dan kini berusia 64 tahun. kini menetap di Pasir Mas.

Merupakan AJK OKUSIDA yang aktif dan sangat bertanggungjawab. Sekarang bekerja sendiri dengan membaiki radio dan juga TV.

Aktif dalam NGO sejak 2004 dan memegang pelbagai jawatan dalam NGO-NGO lain serta merupakan ahli persatuan Insani. Aktif berprogram dan merupakan bekas atlet paralimpik negeri Kelantan.



TOKOH OKU PARLIMEN RANTAU PANJANG



**Nornajihan Binti
Ahmad**

Dilahirkan pada 18 November 1991 dan kini berusia 31 tahun. Mempunyai seorang anak perempuan dan menetap di Kg Gual Arang, Rantau Panjang.

Beliau adalah Penyelaras OKU Parlimen (PPO) bagi kawasan Rantau Panjang.

Merupakan OKU yang aktif membantu OKU lain terutamanya Persatuan OKUSIDA dan memegang jawatan Setiausaha dan Ahli Persatuan Spinal Pantai Timur (PSPT).

Seorang yang sangat aktif dan mendapat sokongan ahli keluarga terutama suaminya. Selain itu suka membantu OKU lain walaupun beliau sendiri adalah OKU dalam aspek kebajikan dan pendaftaran.

Pernah mendapat Anugerah Emas KPTM 2015, Anugerah Dekan 2013-2015 dan Chief

TOKOH OKU PARLIMEN KUBANG KERIAN

**Zulkarnain Bin
Hussain**

Dilahirkan pada 18 Mei 1973. Merupakan seorang guru dan berusia 49 tahun dan sekarang menetap di Kg Jelujok Banggu.

Beliau adalah seorang perintis sukan Para Ping Pong sejak tahun 2012. Pernah mewakili negara Bersama Jannatul Fahmi.

Dilantik sebagai penggerak Sukan Ping Pong sejak 2015 hingga sekarang dan jurulatih Ping Pong untuk orang normal di PPD KB, MSSK, MSSM dan orang perseorangan.

Beliau pernah menyumbang pingat gangsa dan emas dalam Sukan Ping Pong yang disertainya, antaranya sesame Kejohanan Para Sukma Perlis, Sarawak, Perak dan Para Asean KL.



TOKOH OKU PARLIMEN BACHOK



Mohd Nazri Bin Nawi

Dilahirkan pada 25 Ogos 1964 dan berusia 58 tahun. Sekarang menetap di Jelawat, Bachok.

Walaupun seorang yang mempunyai masalah penglihatan, beliau aktif terlibat dalam bidang penulisan dan pernah

menyertai Bengkel Penulisan Kreatif dan pernah menghasilkan beberapa buah novel, skrip drama radio, rencana dan puisi.

Selain menjadi AJK bagi persatuan MPPOK, beliau juga merupakan Penyelaras OKU Parlimen (PPO) bagi parliment Bachok dan AJK PPDK Gunong, Bachok. Seorang yang komited dan selalu mengikuti program bersama Pusat Khidmat DUN (PKD) sejak dilantik sebagai PPO. Beliau juga seorang yang aktif dalam persatuan dan aktif menyertai program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan atau program-program peringkat persatuan.

TOKOH OKU PARLIMEN TANAH MERAH

**Mohd Kamaruddin
Bin Ibrahim**

Dilahirkan pada 7 Jun 1970 dan kini berusia 52 tahun. Merupakan Penyelaras OKU Parlimen (PPO) Tanah Merah, bekerja sendiri dan menetap di Tanah Merah.



Seorang yang komited dan selalu mengikuti program bersama Pusat Khidmat DUN (PKD) sejak dilantik sebagai PPO pada tahun 2019. Beliau juga seorang yang aktif dalam persatuan dan aktif menyertai program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Beliau juga merupakan bekas atlet dan pernah mengharumkan nama negeri dalam sukan yang diceburinya.

Komited dalam membantu OKU kawasan Tanah Merah sejak sebelum dilantik menjadi PPO dan berterusan sehingga kini. Juga sangat aktif dalam program kemasyarakatan terutamanya program PKD Bukit Panau.

Beliau merupakan EXCO MPPOK dan juga persatuan RCO.

TOKOH OKU PARLIMEN PASIR PUTEH



**Zulkepli Bin Mohd
Nor**

Dilahirkan pada 8 Jun 1971 dan berusia 51 dan bekerja sendiri. Kini menetap di Selising, Pasir Puteh.

Merupakan AJK Persatuan RCO. Seorang OKU Fizikal dan sangat aktif dalam Persatuan Insani dan RCO.

Terlibat dalam pelbagai aktiviti, program yang dianjurkan oleh persatuan dan kerajaan negeri.

Beliau juga merupakan bekas atlet dalam Para Boling fan pernah mengharumkan nama Malaysia di peringkat Antarabangsa.

TOKOH OKU PARLIMEN MACHANG

**Ab. Razak Bin Mat
Taib**

Dilahirkan pada 31 Ogos 1966 dan kini berusia 56 tahun. Berasal dari Labok Machang.

Menjalankan perniagaan Menjaja Aiskrim. Walaupun seorang yang mengalami kecacatan fizikal, ianya bukan alasan untuk berusaha melakukan pekerjaan sendiri dan memperolehi pendapatan sendiri.

Banyak terlibat dalam program PKD dan juga Program Skuad Upaya. Juga merupakan PRO dalam Persatuan Insan Istimewa Kelantan (INSANI) dan SPN Skuad Prihatin DUN Temangan.



TOKOH OKU PARLIMEN JELI



Abd Ghani Bin Ismail

Dilahirkan pada 15 februari 1960 dan kini berusia 62 tahun. Merupakan ahli Skuad Sukarelawan Jeli di bawah Parlimen Jeli.

Seorang yang sangat aktif membantu masyarakat lain

walaupun dirinya OKU dan tidak pernah menjadikannya sebagai alasan untuk tidak membantu.

Membantu ramai orang tidak mengira parti dan pernah mewakili ahli parliment Jeli dalam menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir.

Menjadikan rumahnya sebagai tempat agihan bantuan kepada asnaf, ibu tunggal dan OkU serta giat menyampaikan sumbangan kepada ibu tunggal, OKU dan anak yatim.

Sentiasa menyertai program bersama Timbalan Menteri KPWKM dan program ziarah OKU terlantar dan aktif dalam aktiviti menyampaikan sumbangan kepada OKU.

TOKOH OKU PARLIMEN KUALA KRAI

Kasmini Binti Ali

Dilahirkan pada 2 April 1972, kini berusia 50 tahun dan bekerja sebagai tukang jahit. Sekarang menetap di Kuala Krai.

Beliau juga merupakan seorang Penyelaras OKU Parlimen (PPO) bagi parlimen Kuala Krai.



Seorang yang aktif membantu pihak DUN dalam menguruskan kebajikan warga OKU lain di kawasan Parlimennya. Beliau juga aktif memberikan khidmat kepada masyarakat OKU di Kelantan dan juga luar Kelantan.

TOKOH OKU PARLIMEN GUA MUSANG



Azura Binti Mat Zin

Dilahirkan pada 22 September 1986. Berusia 36 tahun dan berasal dari Gua Musang.

Merupakan seorang peniaga yang mengusahakan perniagaan menjahit pakaian.

Pernah membuat perkongsian tentang pengalaman dan kehidupannya sebagai OKU di Kedah bersama-sama peserta OKU, asnaf dan ibu tunggal anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Juga terlibat dalam Program 2YEP dalam Program Keusahawanan.

Pernah membuat perkongsian kepada peserta OKU 2YEP tentang TUBE dan cara dalam memajukan perniagaan.

Mendapat beberapa anugerah seperti Program Keusahawanan Kreatif dan Efektif O'OKU, 2021. Program Empower Ecep Latihan & Keusahawanan (Jahitan dan Fesyen) 2018-2020 dan Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 6.0, 2019.

TOKOH OKU PARLIMEN KETEREH

Azemi Bin Ismail

Dilahirkan pada 20 April 1975 dan berusia 47 tahun. Berasal dari Kadok, Ketereh.

Beliau merupakan pengasas persatuan OKUSIDA yang ditubuhkan pada 2013. Sekarang memegang jawatan sebagai Bendahari OKUSIDA.

Pernah memegang jawatan AJK MPPOK, AJK Persatuan Insani, Pengerusi OKUSIDA, Timbalan OKUSIDA dan Ahli Persatuan Spinal Pantai Timur (PSPT) dan juga ahli YOKUK.

Beliau juga merupakan seorang usahawan yang berjaya dan memiliki Mini Market dan juga perniagaan Pasar Tani. Banyak melibatkan diri dalam pelbagai program OKU dan juga program anjuran Kerajaan Negeri Kelantan.


Pernah memperoleh Anugerah Tokoh Usahawan Negeri Kelantan tahun 2017.



ANUGERAH KHAS PREMIS MESRA OKU

ANUGERAH KHAS MASJID MESRA OKU

1. Masjid Mukim Pangkal Meleret, Machang.



Masjid ini beralamat di Masjid Mukim Pangkal Meleret, 18500 Machang Kelantan.

kawasan luar ke dalam masjid.

Antara kemudahan yang terdapat di masjid ini ialah, kemudahan ramp untuk menghubungkan

Selain itu susur tangan juga tersedia untuk kemudahan OKU. Terdapat juga laluan khas pejalan kaki. Parkir kendaraan juga disediakan dan simbol parkir juga jelas kelihatan untuk memudahkan golongan OKU.

Saiz pintu juga menepati untuk kemudahan OKU berkerusi roda masuk ke ruang wudhu' dan tandas juga sesuai.

Penerimaan daripada masjid/ AJK masjid terhadap OKU dengan tangan terbuka dan penuh kemesraan. Mereka juga membantu membuat kutipan derma untuk membantu golongan OKU.

2. Masjid Tengku Muhammad Faiz Petra, Gua Musang.



Masjid Tengku Muhammad Faiz Petra Gua Musang beralamat di Bandar Baru Gua Musang, 18300 Gua Musang Kelantan.

Merupakan masjid yang sangat mesra OKU dan terdapat pelbagai kemudahan untuk OKU yang disediakan. Antara kemudahan yang disediakan ialah tandas, ruang pejalan kaki, susur tangan, parkir, kemudahan kerusi roda dan lain-lain. Keluasan pintu juga sesuai untuk memudahkan OKU berkerusi roda melaluinya selain kemudahan kepada OKU lain. Tandas dan bangku tempat wudhuk untuk OKU juga disediakan.

3. Masjid Ar-Rahman Kubang Batang



Masjid Ar-Rahman, Kubang Batang beralamat di Mukim Kubang Batang, Jalan Kota Bharu - Pengkalan Kubur, Wakaf Bharu, 16250 Tumpat, Kelantan.

Baharu sahaja siap sepenuhnya pada tahun 2021. Dan Struktur masjid ini seperti Masjid Negeri Shah Alam.

Antara kemudahan yang disediakan oleh masjid ini ialah, ramp, susur tangan, laluan pejalan kaki / kaki lima, parking khas OKU, tandas OKU selain itu kemudahan ruang dan tandas juga amat memuaskan.

ANUGERAH KHAS PBT MESRA OKU

Majlis Daerah Kuala Krai



Majlis Daerah Kuala Krai (MDKK) beralamat di Majlis Daerah Kuala Krai, KM1 Jalan Kuala Krai - Gua Musang, 18000 Kuala Krai, Kelantan.

Antara fasiliti yang disediakan oleh MDKK ini ialah, ramp, susur tangan, laluan khas pejalan kaki / kaki lima, parkir, tangga, kaunter untuk OKU kerdil dan berkerusi roda, kemudahan tandas dan lain-lain.

ANUGERAH KHAS PEJABAT MESRA OKU

MABNA MBI



MABNA MBI yang beralamat di Blok 8 Kompleks Kota Darul Naim . Dirasmikan dan mula beroperasi sepenuhnya pada 20 Januari 2019 bersamaan 14 Jamadil Awal 1440H. MABNA dalam bahasa Arab bermaksud bangunan dan MBI pula singkatan kepada Membangun Bersama Islam.

MABNA adalah antara pejabat yang sangat mesra OKU, antara kemudahan yang disediakan ialah ramp, laluan pejalan kaki, susur tangan, parkir, tangga, kaunter untuk memudahkan urusan OKU kerdil dan berkerusi roda.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Selain itu, terdapat juga lif bersuara untuk kemudahan OKU penglihatan dan lif screen video serta butang lif bertulisan braille. Selain itu, lampu kecemasan untuk OKU pendengaran sekiranya berlaku apa-apa kejadian tidak diingini juga turut disediakan.

HARI OKU MUQARRABUN 2022



**ANUGERAH
TOKOH OKU
TAHUN
2014 - 2021**

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Tokoh Aktivis OKU

Razani Ramli
(Hari OKU 2014)

Mohd Kufri Omar
(Hari OKU 2017)

Fatimah Daud
(Hari OKU 2017)

Tokoh Usahawan OKU

Mohd Rajuna Yahya
(Hari OKU 2014)

Ahmad Ridzuan Fazri Jahya
(Hari OKU 2017)

Tokoh Akademik OKU

Amy Suzaini Mohd Ainuddin
(Hari OKU 2014)

Ahmad Shamsuri Muhamad
(Hari OKU 2017)

Tokoh Atlet OKU

Sharifah Raudzah Syed Akil
(Hari OKU 2014)

Ma Hussien Mat Noh
(Hari OKU 2017)


Nurul Fazirai Mat Hussin
(Hari OKU 2017)

Tokoh Budayawan

Mohd Rozi Che Wil
(Hari OKU 2017)

Amy Suzaini Mohd Ainuddin
(Hari OKU 2017)

HARI OKU MUQARRABUN 2022



HARI OKU MUQARRABUN 2022

Tokoh Kebajikan OKU Muqarrabun

Mohammad Faizal Che Yusof
(Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020)

Tokoh Usahawan OKU (Anjuran U-BeS)

Mohd Tarmizi bin Md Suji
(Program Gerak Ekonomi Belia Upaya Rakyat 2022)

Tokoh Wanita OKU (Zinnirah Al-Rumiyah OKU)

Hajah Che Minah Awang
(Hari Sayyidatina Khadijah 2015)
Siti Huraizah Ruslan
(Hari Sayyidatina Khadijah 2018)
Amy Suzani Mohd Ainuddin
(Hari Sayyidatina Khadijah 2019)
Zawati Yusoff
(Hari Sayyidatina Khadijah 2021)

HARI OKU MUQARRABUN 2022



HARI OKU MUQARRABUN 2022

MAJLIS PERSEFAHAMAN PERTUBUHAN OKU KELANTAN (MPOOK)



Latar Belakang

- Ditubuhkan pada Jun 2004 oleh gabungan Persatuan Insan Istimewa Kelantan (INSANI), Persatuan Cacat Penglihatan Malaysia Cawangan Kelantan (SBM), Persatuan Cacat Anggota Malaysia Cawangan Kelantan, dan Persatuan Orang Pekak Kelantan (POPK).
- Merupakan sebuah badan naungan yang diketuai dan digerakkan sendiri oleh komuniti OKU.
- Bergerak aktif bermula tahun 2006 dan kemudian didaftarkan secara rasmi pada 27 Jun 2016 di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia yang bervisikan Membangun OKU Muqarabun 2026.

Tujuan Penubuhan

- Menyelaras dan menyeragamkan tindakan dalam menangani krisis dan permasalahan OKU.
- Menggerakkan hubungan NGO OKU secara menyeluruh melalui aktiviti dan program yang dijalankan.
- Memastikan keperluan dan penyertaan OKU dalam masyarakat dapat direalisasikan melalui jaringan pelbagai pihak termasuklah orang awam, pemimpin, NGO dan badan kerajaan.

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Misi MPPOK

- Mengadakan ceramah penerangan, kuliah dan siri jelajah masjid dan DUN.
- Bekerjasama dengan penghulu, PPAD, Imam dan ADUN.
- Pembentangan dasar kepada pimpinan masyarakat serta mengadakan seminar dan bengkel kepada pimpinan NGO OKU.
- Mendidik masyarakat Orang Kelainan Upaya (OKU) dengan pembangunan dan acuan yang berteraskan iman dan taqwa.
- Memupuk jati diri OKU melalui kem jati diri, kem ibadat dan sebagainya.

Keanggotaan MPPOK

- Persatuan Insan Istimewa Kelantan (INSANI)
- Persatuan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Cawangan Kelantan (SBM)
- Persatuan Orang Pekak Kelantan (POPK)
- Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia Wilayah Kelantan (PERTIS)
- Persatuan Orang Kelainan Upaya Berkerusi Roda Kelantan (OKUSIDA)
- Persatuan Rekreasi Cakna OKU Darulnaim (RCO)
- Persatuan Prihatin Minda Istimewa Kelantan (PMIK)

HARI OKU MUQARRABUN 2022

TUJUH (7) PERSATUAN OKU DIBAWAH MPPOK

Persatuan Insan Istimewa Kelantan (INSANI)



Persatuan Orang Cacat Penglihatan Malaysia
Cawangan Kelantan (SBM)

Persatuan Orang Pekak Kelantan (POPK)



Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam
Malaysia Wilayah Kelantan (PERTIS)

Persatuan Orang Kelainan Upaya
Berkerusi Roda Kelantan (OKUSIDA)



Persatuan Rekreasi Cakna OKU Darulnaim
(RCO)

Persatuan Prihatin Minda Istimewa
Kelantan (PMIK)



DIREKTORI

HARI OKU MUQARRABUN 2022**PENYELARAS PARLIMEN BAGI OKU (PPO) 2022**

BIL	PARLIMEN	NAMA	NO. TEL
1	Pasir Puteh	Mohd Ramli Abdul Rahman	019-9534989
2	Ketereh	Mohd Zukefali Jaafar	012-9220089
3	Kubang Kerian	Mohd Kufri Omer @ Omar	019-9743512
4	Pasir Mas	Hirda Ayu Mohd Akhir	017-9240799
5	Jeli	Mohammad Helmy Deris	013-9066335
6	Bachok	Mohd Nazri Nawi	013-9806650
7	Rantau Panjang	Nornajihan Ahmad	019-9656614
8	Kota Bharu	Fatimah Daud	013-9891415
9	Pengkalan Chepa	Noor Haseken P Rameli	019-9429003
10	Tanah Merah	Mohd Kamarudin Ibrahim	013-9312919
11	Tumpat	Harun Yusoff @ Jusoh	016-6493357/ 014-5343482
12	Machang	Rosli Saan	012-9625412
13	Gua Musang	Hadi Daud	019-9361355
14	Kuala Krai	Kasmini Ali	011-35729099

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Sekalung Budi

Yang Amat Berhormat Dato' Bentara Kanan
Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob,
Menteri Besar Kelantan

YB Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary,
Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwal Agama)

Yang Berhormat Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff,
Timbalan Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Yang Berhormat Dato' Kaya Setia
Dato' Haji Nazran bin Muhammad,
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Berhormat Dato' Hajah Mumtaz binti Md. Nawi,
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga
dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Berhormat Puan Rohani binti Ibrahim,
Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan
Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat
Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri
Kelantan

Yang Amat Berusaha Puan Ilvira binti Mohd Dasuki,
Ketua Pengarah Program Hari OKU Muqarrabun

HARI OKU MUQARRABUN 2022

Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaksana
Hari OKU Muqarrabun 2022

Seluruh Agensi Kerajaan, Pihak Swasta, NGO dan Individu

Wakil-wakil Media

Para Tetamu Jemputan
Para Penaja Dermawan

dan

Semua Pihak Yang Terlibat Secara Langsung Dan Tidak
Langsung

HARI OKU MUQARRABUN 2022

NOTA



**Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
Kerajaan Negeri Kelantan**